



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI
PULAU PINANG

JAWATANKUASA PEMIKIR
SEJARAH PULAU PINANG

MODUL SUKSES SEJARAH SPM 2014

PANEL PENGGUBAL:

EN.ROZMAN B MATHIAS

EN.MOHD FADZIL B YAACOB

EN. KALIAPPAN A/L P. ATHEE MULUM

PN. SHANTINA BT JUSOH

PN. CIK SALMIAH BT AYOB

PN. AZIANS BT ABU HASSAN

CIK SOPIAH BT SAID

PN. JAMALIYAH BT SHAIK ABDULLAH

PN. SARATHAMANI A/P PAKIRI

PN.ROSHILAWATI BT MD. SALLEH

BAB 1 : KEMUNCULAN TAMADUN AWAL MANUSIA

TAMADUN MESOPOTAMIA

Nyatakan sumbangan tamadun Mesopotamia dalam bidang perundangan.

- Kod Undang –undang Hammurabi
- Ia digubal oleh Rja Hammurabi pemerintah Babylon
- Ia berteraskan hak rakyat terhadap keadilan
- Hukuman mestilah setimpal dengan kesalahan tetapi berbeza mengikut susun lapis masyarakat
- Ia dipahat pada tembok dan tiang besar
- Ia menjadi dasar perundangan tamadun Mesopotamia
- Undang –undang ini mengelakkan masalah pelbagai kaum
- susun lapis masyarakat dan membawa perpaduan
- mewujudkan perpaduan dan menguuhkn organisasi dalam kehidupan masyarakat

Huraikan sumbangan sistem tulisan dalam masyarakat Mesopotamia.

- Melahirkan jurutulis
- Jurutulis merekodkan urusan pentadbiran dan perniagaan – lengkap dengan resit , nota dan surat kredit
- Lahirnya epik Gilgamesh – hasil sastera mengenai falsafah dan cara hidup orang Mesopotamia

Nyatakan sumbangan ilmu pengetahuan dalam tamadun Mesopotamia.

- Ilmu astronomi – pencerapan pergerakan bulan ,bintang ,matahari telah memperkembangkan ilmu matematik seperti tambah , tolak , darab dan bahagi
- Ilmu Astronomi membantu mereka menggunakan jalan laut
- Kalendar mereka berasaskan system solar (12 bulan satu tahun)
- Ilmu perubatan – mementingkan kesihatan tentera menggunakan ubatan herba . Ramuan perubatan dikatalogkan dan disampelkan penggunaannya dan cara mengubatinya telah dicatatkan

Jelaskan sumbangan pengangkutan dalam tamadun Mesopotamia

- Roda menghasilkan kereta kuda untuk perang dan ketika aman pula ia digunakan sebagai kincir air untuk pertanian dan mengawal banjir
- Kapal layar dan kenderaan roda menghubungkan mereka dengan wilayah di India dan Laut Mediterranean

Sumbangan tamadun Mesopotamia dalam seni bina

- Mereka membuat batu –bata dari tanah liat
- Mereka mencipta arca seperti patung Raja Gudea
- Arca dan tiang batu ada pada bangunan Zigurat

**Jelaskan kegunaan roda dalam kehidupan masyarakat tamadun Mesopotamia.
Kenderaan / kereta kuda.**

- Tujuan peperangan
- Kegunaan masa aman
- Pengangkutan barangan
- Mencipta kincir air
- Mengalirkan air ke kawasan tandus
- Meningkatkan hasil pertanian
- Mengawal banjir

Bagaimanakah untuk mengatasi kesesakan jalan raya kesan daripada peningkatan jumlah kenderaan di negara kita ?

- Berkongsi kenderaan
 - Berjalan kaki
 - Menggunakan pengangkutan awam
 - Jalan raya yang sistematik
 - Kenderaan berat dilarang menggunakan jalan raya pada waktu puncak
 - Penyelenggaraan jalan berjadual
 - Meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam
 - Pemanduan berhemah
 - Bertolak ansur
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

Sebagai Menteri Pengangkutan, cadangkan cara meningkatkan sistem kecekapan pengangkutan awam di negara kita.

- Sistem jalan raya sistematik
 - Komuter
 - Monorel
 - Teksi bermeter
 - Bas yang mempunyai jaringan internet
 - Sistem kaunter bas / teksi
 - Jadual perjalanan sistematik
 - Kemudahan tempat duduk
 - Kebersihan
 - Pemandu yang cekap/ bertanggungjawab
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

TAMADUN MESIR PURBA

Namakan dua tuhan yang disembah oleh masyarakat tamadun Mesir Purba ?

- Re / tuhan matahari
- Ra-Atum / tuhan langit
- Amun / tuhan angin

Nyatakan dua kepentingan sistem tulisan hieroglif tamadun Mesir Purba

- Mencatat rekod aktiviti pertanian
- Pengutipan cukai
- Keagamaan
- Amalan ritual kepercayaan

Nyatakan dua tujuan ilmu geometri, sains dan matematik diberi penekanan dalam sistem pendidikan tamadun Mesir Purba

- Melahirkan golongan terlatih
- Mengurus hal ehwal pertanian
- Mengawal air sungai Nil
- Pembinaan bangunan
- Pembinaan piramid

Nyatakan sumbangan tamadun Mesir Purba

- Sumbangan utama adalah senibina iaitu piramid
- Ilham Imhotep seorang saintis, ahli fizik, arkitek dan penasihat Firaun Djoser
- Teknik pembinaan bangunan dengan menggunakan batu-bata
- Pengamal ilmu perubatan dan pengarang buku sains dan sastera
- Kemajuan pendidikan dan penciptaan kertas
- Mencipta kertas dari pokok papyrus yang terdapat disepanjang Sungai Nil
- Penyimpanan khazanah bangsa dan menggantikan penggunaan kepingan batu
- Sistem tulisan iaitu hieroglif yang cantik, halus dan penuh seni
- Hieroglif berkembang kepada hieratik dan demotik
- Sistem pendidikan kepada kanak-kanak golongan atasan sejak umur rendah
- Diuruskan oleh rumah ibadat dan diletakkan dibawah pentadbiran kerajaan
- Bertujuan melahirkan pegawai kerajaan dan jurutulis
- Ilmu geometri, matematik dan sains bagi melahirkan golongan terlatih untuk menguruskan pertanian, pengawalan air sungai serta pembinaan bangunan dan piramid.
- Sumbangan perubatan seperti memumiakan mayat
- Pengawalan air sungai untuk mengelakkan banjir
- Menukarkan padang pasir kepada kawasan pertanian
- Firaun Senuusret III membina tembok pengairan sejauh 123KM
- Memperkenalkan sistem kalendar 365 hari dalam 12 bulan setahun

Pada pandangan anda, mengapakah kerajaan Malaysia mewajibkan setiap kanak-kanak menerima pendidikan?

- Celik huruf
- Pandai
- Generasi wawasan
- Moden
- Teknologi
- Inovatif
- Kreatif

Mana-mana jawapan yang munasabah

Sebagai seorang pelajar berwawasan, cadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran sejarah

- Ada buku teks sejarah
- Ada buku rujukan sejarah
- Menanam minat terhadap mata pelajaran sejarah
- Rajin
- Sering bertanya
- Minggu sejarah
- Persatuan sejarah

Mana-mana jawapan yang munasabah

TAMADUN HWANG HO

Namakan dua dinasti yang wujud dalam Tamadun Hwang Ho.

- Dinasti Hsia
- Dinasti Chou
- Dinasti Shang
- Dinasti Chin
- Dinasti Ching

**Sumbangan Tamadun Hwang Ho
Bidang politik/pemerintahan**

- Sistem pemerintahan berbentuk monarki
- Gelaran raja ditukar kepada maharaja
- Raja dikaitkan dengan konsep anak syurga dan mandat dari syurga

Bidang ekonomi

- Pembinaan sistem pengairan
- membina terusan untuk mengairi
- Kemajuan dalam teknologi pembajakan
- Penciptaan cangkul dan sabit
- Penggunaan batas untuk tujuan penanaman
- Petani menggantikan alat pertanian yang dibuat daripada kayu kepada besi

Bidang agama dan kepercayaan

- Pemujaan roh nenek moyang
- Konsep Yin dan Yang serta Feng Hsui
- Percaya kepada ying yang
- Konsep Feng Hsui

Sistem kalendar

- Kalendar dicipta semasa Dinasti Shang.
- 30 hari dalam sebulan dan 360 hari setahun.
- Raja menggunakan kalendar untuk menentukan musim menanam dan menuai
- Untuk menjalankan aktiviti harian.
- Amalan menggunakan kalendar diteruskan untuk upacara perkahwinan / perburuan / pengkebumian.

Pengamalan falsafah perang Sun Tzu

- Karyanya the Art of War membincangkan selok belok perang dan cara menangani musuh dalam pelbagai bahasa
- Falsafah tersebut diaplikasikan sebagai taktik dalam perniagaan

Nyatakan nama pusat kerajaan Dinasti Shang

- Anyang

Berikan dua ciri istimewa yang terdapat di bandar tersebut.

- Terletak di kawasan tanah tinggi di Sungai Huan
- Terdapat istana, kuil dan pusat pentadbiran
- Golongan pembesar dan agama tinggal dikawasan Bandar
- Dilengkapi dengan tembok untuk menghalang pencerobohan
- Dikelilingi oleh perkampungan yang dikelilingi oleh masyarakat tani

Mengapakah berlakunya peralihan kuasa daripada Dinasti Shang kepada Dinasti Chou?

- Kezaliman pemerintah Raja Shang
- Kebangkitan golongan hamba
- Kepercayaan kepada mandat daripada Tuhan

Langkah yang dilaksanakan oleh Raja-raja Dinasti Chou untuk mendapat sokongan daripada pembesar mereka

- Melalui ikrar taat setia kepada pemetintah
- Memberi hadiah seperti kereta kuda, senjata gangsa, hamba dan binatang
- Diminta melindungi Raja
- Memberikan bantuan tentera pada masa perang
- Diberi hak sebagai ketua agama untuk menjalankan upacara pengorbanan

Peranan golongan bangsawan dalam Tamadun Hwang Ho

- Mentadbir wilayah di luar pusat pentadbiran Raja
- Diberi hak oleh Raja untuk mewujudkan sistem pentadbirannya sendiri
- Bertanggungjawab memungut cukai
- Menguruskan pertahanan
- Mentadbir undang-undang di wilayah masing-masing

Nyatakan dua peranan pembesar tempatan semasa pemerintahan beraja dinasti Chou. Ikrar taat setia

- Memberi hadiah / kereta kuda / senjata gangsa / hamba / binatang
- Melindungi raja
- Memberi bantuan tentera
- Ketua agama
- Menjalankan upacara keagamaan
- Ketua menteri
- Enam badan / pertanian / tentera / kerja awam / upacara agama / hal ehwal monarki / undang-undang

Apakah kesan amalan penilikan tulang oracle oleh masyarakat Tamadun Hwang Ho?

- Sistem tulisan awal China / ideogram

Nyatakan dua kepentingan sistem pengairan terhadap pembangunan pertanian Tamadun Hwang Ho

- Terusan
- Mengairi kawasan pertanian
- Kawalan banjir

Berdasarkan pemerhatian anda, apakah kepercayaan masyarakat Tamadun Hwang Ho yang masih diamalkan sehingga ke hari ini ?

- Pemujaan roh nenek moyang
- Unsur makanan / duit kertas / barangan perhiasan
- Yin dan Yang
- Feng Hsui

BAB 2 PENINGKATAN TAMADUN

PERLUASAN KUASA

Tamadun India

- Bermula pada zaman pemerintahan Chandragupta Maurya
- Mempunyai pasukan tentera yang besar iaitu 600 ekor gajah, 1000 orang tentera berkuda dan 10000 infantri
- Menguasai seluruh India Utara
- Menakluk Punjab dan menewaskan Seleucus sehingga India Barat
- Bindusara anak kepada Chandragupta meluaskan empayar Maurya ke Mysore di Selatan India
- Berubah semasa Asoka yang lebih lembut dan terbuka
- Memberi penekanan kepada agama Buddha
- Semasa Asoka seluruh India telah menjadi kawasan takluk empayar Maurya
- Berlaku kerana kemenangan Asoka ke atas Kalinga dalam Perang Kalinga

Tamadun China

- Shih Huang Ti menyatukan seluruh kerajaan kecil di China.
- Beliau memerintah secara automatik (tegas dan mutlak).
- Bangsawan dihapuskan dan gabenor serta panglima tentera dilantik mentadbir wilayah.
- Beliau membina Tembok Besar China untuk menghalang serangan orang gasar.
- Maharaja Han Wu Ti (Dinasti Han) meluaskan empayar ke Sinkiang, Lembah Tarim, Yang Tze, Kwangsi dan Kwang Tung. Pada masa ini pengaruh China hingga ke Jepun dan Turkistan dan keamanan China diwujudkan.

PENDIDIKAN

Tamadun Yunani

- Di Athens pendidikan untuk melahirkan manusia yang seimbang dari sudut rohani dan jasmani
- Manusia yang cemerlang ialah yang dapat memenuhi tuntutan mental dan fizikal
- Menitikberatkan pendidikan, sukan, muzik, kesusasteraan, seni berpidato, membaca, menghafal dan menulis
- Sparta pula melahirkan warganegara tentera yang sempurna, gagah dan setia kepada negara kota
- Menekankan latihan fizikal dan penggunaan senjata
- Sekolah falsafah berkembang di Athens, Thebes, Elea dan Miletus
- Menjadi pusat cendekiawan yang penting semasa pemerintahan Pericles
- Melahirkan sejarawan seperti Thucydides dan Herodotus dan pemikir seperti Thales

Tamadun Rom

- Pendidikan menekankan aplikasi ilmu praktikal dan semangat setia kepada Rom
- Rom terkenal dengan infrastruktur dan kemudahan awam untuk kesejahteraan rakyat
- Pada tahap awal Rom hanya mengambil dan menyerap unsur dari Yunani
- Kemudian pusat pendidikan telah berkembang dengan pesat
- Melahirkan jurutera yang dapat membina sistem pengairan, bangunan dan jalan raya
- Juga melahirkan ahli falsafah dan sejarawan yang menulis tentang kegemilangan Rom

Tamadun India

- Mementingkan keagamaan
- Agama Hindu sebagai teras
- Didominasi oleh kaum lelaki
- Kaum wanita tidak mempunyai ruang menerima pendidikan tumpuan pembelajaran kitab-kitab veda
- Bahasa Sanskrit merupakan medium pengajaran penting
- Kaedah hafalan digunakan untuk mendalami kitab-kitab veda
- Berteraskan agama Hindu dan Buddha
- Belajar sains dan falsafah
- Pendidikan peringkat awal diberikan di istana dan di rumah
- Pendidikan tinggi diberikan di Kolej Brahma
- Lahir universiti agama Buddha, iaitu Nalanda

Tujuan pendidikan

- Untuk menyediakan manusia menghadapi hari selepas mati
- Mempelajari hukum agama
- Untuk capai taraf sebagai Brahmin
- Untuk meningkatkan ilmu sains.
- Untuk menambah ilmu
- Mengatasi buta huruf
- Untuk mendapatkan jawatan dalam pemerintahan

Tamadun China

- Matlamat pendidikan untuk lulus peperiksaan awam
- Tiga peringkat pendidikan ialah rendah, menengah, tinggi
- Peringkat rendah – mengenal/menghafal tulisan ideogram dan 9 buku suci
- Peringkat menengah – menumpukan karangan dan sastera
- Peringkat tinggi – menterjemah buku suci
- Peperiksaan awam 3 tahap – Hsiu Tai (ijazah pertama), Chun – Jen (sarjana) dan Chin Shih (doktor falsafah)
- Peperiksaan tahap 1 di daerah, tahap 2 di ibu kota daerah dan tahap 3 di ibu kota empayar diadakan di istana / di hadapan Maharaja)
- Peluang kerjaya ialah menjadi pegawai kerajaan dan pada tahap 3 mereka akan menjadi pendidik
- Waktu peperiksaan – tahap satu (3 tahun 2 kali), tahap dua dan tiga (3 tahun sekali)

SENI BINA

Tamadun China

- Tembok Besar China sebagai kubu pertahanan sepanjang 1500 batu dari Kansu ke Peking
- Bandar purba tembok batu iaitu Changan, Anyang dan Peking
- Mereka turut menggunakan tanah liat, batu – bata, pintu gerbang, parit besar dan menara
- Kota Larangan iaitu istana maharaja yang banyak dewan seperti balai penghadapan, tempat hukuman, keraian dan taman
- Kuil dan Pagoda yang mempunyai tempat tinggal, ruang tamu dan pemujaan

BAB 3 – TAMADUN AWAL ASIA TENGGARA

KERAJAAN AGRARIA

Antara kerajaan agraria awal yang terkenal ialah Sailendra, Angkor dan Sukhotai. Berikan maksud kerajaan Agraria.

- Kerajaan yang menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan pertanian dan penternakan, pemungutan hasil hutan dan sungai
- Terbentuk di kawasan pertanian yang subur
- Terbentuk di lembah sungai
- Terbentuk di kawasan pedalaman
- Terbentuk di kawasan berbukit
- Terbentuk di lereng tanah gunung berapi

Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan kerajaan agraria maju dalam bidang pertanian

- Sistem pengairan yang baik
- Bersumber dari Tasik Tonle Sap
- Peranan raja membina sistem pengairan
- Kerajaan bertanggungjawab secara langsung dalam sistem pengairan yang baik
- Raja Indravarman I membina sistem pengairan dan baray
- Hasil padi dapat menampung keperluan beras kerajaan Angkor
- Kedudukan berhampiran dengan Tasik Tonle Sap
- Tanah yang subur
- Iklim yang panas dan lembab
- Sumber ikan air tawar dari Tasik Tonle Sap

Jelaskan faktor perkembangan Kerajaan Angkor

- Perkembangan pertanian iaitu padi sawah dan padi huma
- Tanaman sampingan seperti jagung, pisang, keledak dan sayur-sayuran
- Sistem pengairan yang baik
- Bersumber dari Sungai Mekong iaitu Tasik Tonle Sap
- Mengairi tanah yang luas / seluas 12.5 juta ekar
- Menampung keperluan beras untuk keperluan asas rakyatnya
- Penglibatan raja membina sistem pengairan dan mengurus sistem pengairan dan mengurus sistem pengairan
- Raja Indravarman I membina sistem pengairan / baray
- Kedudukan berhampiran Tasik Tonle Sap
- Air tasik datang dari Sungai Mekong
- Tanah di sekitarnya amat subur
- Iklim panas lembap sepanjang tahun
- Sesuai untuk pertanian padi
- Punca air utama mengairi sawah
- Menjadi punca bekalan air minum
- Sumber ikan air tawar
- Mampu menampung keperluan makanan penduduk

Mengapakah kerajaan Malaysia memberi tumpuan kepada bidang pertanian pada hari ini?

- keperluan makanan dalam negara
- tidak bergantung import makanan / keperluan sendiri
- menggalakan kemajuan bioteknologi
- member peluang pekerjaan
- menghidupkan kembali program bumi hijau
- menambahkan pendapatan

BAB 4 - KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MAKKAH

KERASULAN NABI MUHAMMAD s.a.w.

Jadual berikut menerangkan peristiwa penerimaan wahyu oleh Nabi Muhammad s.a.w daripada Allah..

Tarikh	6 Ogos, 610 Masihi
Tempat	Gua Hirak

Namakan wahyu pertama yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w .

- Surah al-Alaq

Apakah yang diberi penekanan dalam wahyu tersebut?

- Membaca

Apakah kepentingan wahyu pertama kepada masyarakat Arab?

- Menjadi tanda pemisah antara Zaman Jahiliah dengan Zaman Islam
- Menjadi titik tolak dalam perkembangan tamadu
- Menggalakkan aktiviti membaca

Apakah yang terkandung dalam wahyu kedua, surah al-Muddasir?

- Pengisytiharan Nabi Muhammad s.a.w sebagai rasulullah atau nabi
- Mewajibkan Baginda menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh manusia

Bagaimanakah Nabi Muhammad s.a.w mengubah akidah masyarakat Arab Quraisy?

- Menanamkan keimanan kepada Allah Yang Maha Esa
- Menggesa masyarakat meninggalkan amalan yang keji

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakan amalan membaca dituntut dalam agama Islam?

- Melalui pembacaan, seseorang itu mendapat ilmu/menambahkan ilmu
- Menggalakkan kajian terhadap sesuatu perkara/penyelidikan dapat dijalankan
- Dengan ilmu sesuatu bangsa dapat mencapai kejayaan yang cemerlang
- Dapat meningkatkan tamadun bangsanya.
- Ilmu yang dituntut mestilah yang dapat membina masyarakat.
- Kejayaan yang cemerlang dapat dicapai

PENYEBARAN ISLAM DI MAKKAH

Terangkan bagaimana Nabi Muhammad s.a.w menyebarkan dakwah Islamiah di Makkah.

- Secara tersembunyi/rahsia
- Secara rahsia selama tiga tahun
- Dakwah Islamiah secara rahsia ditujukan kepada keluarga Baginda
- Sahabat rapat dan kaum kerabat Baginda
- Mereka yang awal memeluk Islam ialah Khadijah binti Khuwailid, Ali bin Abu Talib, Zaid bin Harithah, Abu Bakar.

- Melalui sahabat Baginda Abu Bakar al-Siddiq, beberapa orang tokoh Quraisy lain memeluk Islam
- Nabi Muhammad s.a.w menjadikan rumah al-Arqam sebagai pusat kegiatan Islam untuk menyebarkan Islam
- Ketinggian akhlak Nabi Muhammad s.a.w dan kejujuran para sahabat telah menyebabkan dakwah Islamiah pada peringkat awal mendapat sambutan
- Berjalan selama sepuluh tahun
- Dakwah Islamiah secara terbuka kepada keluarga Abdul Mutalib iaitu kaum kerabat Baginda
- Setelah turunnya ayat al-Quran
- Nabi Muhammad s.a.w bermusyawarah dengan para sahabat untuk melaksanakan perintah ini.
- Mengadakan majlis ceramah di rumah Ali bin Abu Talib untuk menerangkan Islam
- Dakwah Islamiah secara terbuka kepada orang ramai dilakukan di Bukit Safa, dihadiri oleh semua pentadbir kota Makkah.
- Perbahasan hebat telah berlaku antara Nabi dengan Abu Lahab, bapa saudara Nabi

Mengapakah orang Arab Quraisy menentang penyebaran Islam di Makkah ?

- Perbezaan dari segi kepercayaan dan amalan
- Ajaran Islam berasaskan kepercayaan kepada Allah Yang Maha Esa
- Sedangkan orang Arab Quraisy mempercayai dan mengamalkan tradisi turun temurun menyembah patung berhala dan mempercayai animisme
- Islam mengamalkan konsep persamaan taraf sesama manusia yang bertentangan dengan sistem sosial masyarakat Arab Jahiliah
- Masyarakat Arab Jahiliah mewujudkan perbezaan darjat antara golongan atasan dengan bawahan.
- Menolak konsep persaudaraan Islam yang sangat bertentangan dengan konsep assabiyah yang menjadi pegangan mereka
- Amalan dan akidah yang keji
- Seperti mencuri dan menindas yang menjadi kebiasaan mereka tetapi dilarang sama sekali oleh Islam
- Orang Arab Quraisy mempunyai tanggapan yang salah terhadap tugas Nabi
- Mereka beranggapan jika menerima Islam terpaksa tunduk kepada kepimpinan Nabi
- Sejak dahulu mereka sentiasa bersaing untuk menjadi ketua
- Menggugat pengaruh dan kedudukan keluarga mereka di Makkah
- Nabi Muhammad s.a.w berasal daripada keturunan orang yang menguasai kepimpinan kota Makkah
- Menggugat ekonomi orang Arab Quraisy
- Menjejaskan perusahaan mengukir patung berhala kerana Islam mewajibkan menyembah Allah s.w.t

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada Nabi Muhammad s.a.w dalam usaha menghadapi orang Quraisy Makkah?

- Bersabar menghadapi cabaran
- Tidak berputus asa menghadapi rintangan dan halangan
- Terus berusaha tanpa jemu
- Sentiasa berusaha mencari/memikirkan strategi baru untuk mengatasi masalah
- Setiap usaha keras akan membuahkan hasil
- Yakin pada diri sendiri
- Mengamalkan sikap bekerjasama secara berpasukan
- Bijak mengatur strategi

- Mempertahankan akidah
- Kesabaran
- Pengorbanan
- Mempertahankan kebenaran
- Islam bersaudara
- Tidak bermusuhi
- Jangan berdendam
- Tabah
- Penyebaran Islam diteruskan
- Tidak berputus asa
- Memohon pertolongan Allah

BAB 5 – KERAJAAN ISLAM DI MADINAH

PERJANJIAN AQABAH PERTAMA DAN PERJANJIAN AQABAH KEDUA

Apakah isi perjanjian Aqabah Pertama?

- Suku Aus dan Khazzraj hendaklah beriman kepada Allah dan Rasul
- Mereka berjanji akan membantu perjuangan Nabi Muhammad s.a.w
- Tidak akan melakukan amalan jahiliah
- Seperti mencuri, meminum arak dan membunuh bayi perempuan

Apakah isi perjanjian Aqabah Kedua?

- Suku Aus dan Khazraj memeluk Islam
- Mengukuhkan taat setia kepada Nabi Muhammad s.a.w
- Menjemput nabi Muhammad berhijrah ke Madinah
- Menjemput umat Islam berhijrah ke Madinah
- Menjanjikan keselamatan Nabi Muhammad s.a.w
- Menjanjikan keselamatan orang Islam
- Menyediakan tempat tinggal kepada orang Islam
- Sedia mempertahankan Islam

HIJRAH

Peristiwa Hijrah orang Islam Makkah ke Madinah berlaku pada 1 Rabiulawal bersamaan 12 September tahun 622M dan penghijrahan ini berlaku secara rahsia dan berperingkat-peringkat.

Apakah yang dimaksudkan dengan hijrah?

- Mengikut Islam
- Perkataan Arab bermaksud berpindah
- Konteks tamadun Islam bermaksud perpindahan umat Islam dari Kota Makkah ke Kota Madinah
- Memperkukuhkan kedudukan Islam
- Strategi baru menyebarkan Islam
- Perjuangan menegakkan kebenaran
- Meninggalkan keburukan dan kejahatan
- Berubah sikap, cara berfikir dan tingkah laku

Nyatakan faktor penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w dan orang Islam ke Madinah

- Perintah Allah menerusi wahyu iaitu surah al-Anfal
- Pakatan orang Quraisy untuk membunuh Nabi Muhammad s.a.w
- Strategi Nabi untuk meneruskan penyebaran Islam
- Jemputan masyarakat Arab Madinah
- Orang arab Madinah memerlukan nabi sebagai pemimpin mereka
-

Jelaskan kepentingan hijrah terhadap perkembangan Islam?

- Dakwah Islamiah dapat dilaksanakan dengan aman
- Menjalinkan hubungan persaudaraan
- Sikap toleransi dan tolong menolong orang Islam Madinah

- Menyatukan penduduk Madinah
- Mendamaikan suku Aus dan Khazraj
- Pembinaan Masjid Quba”
- Pembinaan Masjid Nabawi
- Menukarkan nama Yathrib kepada Madinah al-Munawwarah
- Takwim Islam
- Sambutan maal hijrah
- Penubuhan kerajaan Islam Madinah
- Rasulullah sebagai ketua Negara
- Agama Islam sebagai cara hidup
- Sanggup berkorban dan meninggalkan kesenangan hidup demi Islam

Sebutkan dakwaan yang dapat menyangkal bahawa penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w dari Makkah ke Madinah bukan satu pelarian.

- Penghijrahan orang Islam Makkah ke Madinah adalah kerana jemputan orang arab Madinah
- Ketibaan orang Islam Makkah di Madinah telah disambut dengan rela hati dan meriah oleh orang Madinah
- Orang Islam Makkah diberi tempat tinggal dan dijamin keselamatan mereka oleh orang arab Madinah
- Nabi Muhammad s.a.w dilantik sebagai pemimpin Madinah dan baginda diterima oleh kesemua golongan masyarakat Madinah termasuk orang bukan Islam

Pada pendapat anda, mengapakah penghijrahan hari ini berbeza dengan penghijrahan orang Islam ke Madinah?

- Penghijrahan akibat perang
 - Kehadiran mereka di sesebuah negara adalah tidak diundang
 - Mereka dianggap pelariandan dihantar pulang ke tempat asal
 - Ketibaan pelarian tidak disambut dengan rela
 - Penghijrahan untuk mendapat pekerjaan
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

Sebagai murid di sekolah, apakah iktibar yang boleh diambil daripada penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah

- Mementingkan perpaduan
- Tidak mudah berputus asa
- Kesabaran
- Kebijaksanaan
- Kemurnian akhlak
- Strategi berkesan
- Berjiwa besar
- Sentiasa berwawasan
- Bersifat pemaaf
- Menempuh halangan, rintangan dan cabaran dengan cekal dan tabah

Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa hijrah untuk memajukan diri

- Sanggup/Sedia berkorban harta dan tenaga untuk berjaya
- Hidup berlu bersatu padu
- Berani menegakkan kebenaran
- Konsisten untuk meninggalkan segala keburukan
- Bersungguh-sungguh menghadapi setiap cabaran dan kesulitan
- Menjauhi sifat berputus asa
- Mengamalkan hidup bantu-membantu
Mana-mana jawapan yang munasabah

PIAGAM MADINAH

Apakah kandungan Piagam Madinah yang dapat menyatupadukan masyarakat berbilang bangsa dan agama?

- Politik/pentadbiran
- Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin/ketua negara di Madinah
- Baginda sebagai hakim yang menyelesaikan masalah yang timbul antara orang Islam dan orang bukan Islam
- Cara menyelesaikan masalah masyarakat berasaskan musyawarah dan keadilan
- Agama
- Masyarakat Madinah bebas mengamalkan agama masing-masing
- Mereka bebas mengamalkan adat masing-masing selagi tidak bertentangan dengan Islam
- Sosial
- Masyarakat di Madinah dianggap sebagai satu ummah/bersatu padu/bekerjasama
- Mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap negara
- Masyarakat Madinah tidak boleh bermusuhan sesama sendiri
- Perundangan
- Undang-undang Islam diguna pakai secara menyeluruh tetapi peraturan kekeluargaan kabilah boleh diamalkan selagi tidak bertentangan dengan Islam
- Ekonomi
- Kerjasama antara masyarakat Madinah dituntut demi memajukan ekonomi
- Penipuan dan riba dihapuskan dalam bidang perniagaan
- Pertahanan
- Semua anggota masyarakat dikehendaki mempertahankan Madinah dari ancaman luar
- Kedudukan Yahudi

Terangkan kepentingan Piagam Madinah dalam perkembangan Islam.

- Model kerajaan Islam unggul
- Panduan pemerintahan Islam
- Perlembagaan diterima semua masyarakat
- Dipraktikkan oleh Negara yang berbilang bangsa
- Mengatur pemerintahan lengkap dunia dan akhirat
- Sistem ekonomi terbaik
- Amalan riba, rasuah dan penindasan tidak dibenarkan
- Amalan bersedekah dan timbang rasa diamalkan
- Mementingkan keadilan dan ketelusan dalam perniagaan
- Ekonomi semakin berkembang

- Masyarakat yang bersatu padu
- Kehidupan yang aman
- Nilai hidup berdasarkan ukhuwah Islamiah
- Taraf kerakyatan yang sama
- Konsep keadilan sosial dipraktikkan
- Tiada perbezaan taraf dalam kalangan masyarakat
- Perundangan yang tersusun
- Undang-undang lengkap dan sempurna
- Meliputi semua aspek kehidupan
- Melibatkan semua lapisan masyarakat
- Peranan dan tanggungjawab bersama
- Mempertahankan keselamatan Negara

Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada Piagam Madinah dalam membentuk masyarakat Malaysia yang aman dan bersatu padu.

- Permuafakatan
 - Toleransi antara kaum
 - Mengutamakan keamanan
 - Kebijaksanaan dalam kepimpinan
 - Menghindari sifat dendam
 - Kebebasan beragama
 - Hak manusia/individu
 - Mengukuhkan hubungan persaudaraan
 - Bekerjasama
 - Hormat-menghormati
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

Piagam Madinah boleh dijadikan panduan kepada pemimpin negara kita untuk menyatupadukan penduduk pelbagai kaum. Berikan pendapat anda.

- Melaksanakan peraturan /undang-undang yang sama untuk semua kaum
 - Setiap kaum dibenarkan mengamalkan agama/budaya masing-masing
 - Menganggap semua kaum sebagai rakyat Malaysia /Konsep 1 Malaysia
 - Mengelakkan berlakunya permusuhan antara kaum atau sesama sendiri
 - Semua kaum bertanggungjawab untuk memajukan ekonomi Negara
 - Semua kaum juga bersama-sama bertanggungjawab menjaga keamanan
 - Keselamatan semua kaum dijamin oleh perlembagaan Negara
 - Berlaku adil dalam pengagihan ekonomi
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

BAB 6 – PEMBENTUKAN KERAJAAN ISLAM DAN SUMBANGANNYA

KERAJAAN KHULAFAL RASYIDIN

Apakah yang dimaksudkan dengan khalifah?

- Pengganti
- Melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dan pentadbiran yang sebelumnya oleh Nabi Muhammad s.a.w
- Tanggungjawab memelihara kemurnian agama Islam
- Tanggungjawab mengekalkan keharmonian
- Tanggungjawab mengekalkan kestabilan umat Islam

Nyatakan syarat-syarat perlantikan khalifah semasa selepas kewafatan nabi Muhammad s.a.w.?

- Lelaki yang merdeka
- Beragama Islam
- Memiliki pengetahuan tentang Islam
- Mematuhi perintah Allah
- Sanggup melaksanakan hokum Allah
- Bersifat adil
- Mempunyai akhlak yang baik
- Tubuh yang sihat dan sempurna
- Berfikiran cerdas
- Warak
- Pandai mentadbir kerajaan

Jelaskan bagaimana pemilihan khalifah Kerajaan Khulafa al-Rasyidin dibuat?

- Melalui musyawarah/ syura
- Perlantikan Saidina Abu Bakar atas cadangan Saidina Umar dan para sahabat
- Melalui cadangan satu nama sahajadaripada khalifah terdahulu sebelum wafat
- Nama Saidina Umar telah dicadangkan oleh Saidina Abu Bakar
- Pemilihan daripada beberapa calon
- Enam calon telah diusulkan dan Saidina Uthman terpilih
- Pencalonan oleh sekelompok masyarakat
- Berlaku semasa pemilihan Saidina Ali bin Abi Talib
- Cara ini tetap menggunakan musyawarah/syura
- Khalifah perlu mengangkat sumpah/baiat semasa dilantik menjadi khalifah
- Syura bermaksud permuafakatan atau consensus

Sebutkan tugas khalifah Kerajaan Khulafa al-Rasyidin dalam bidang ekonomi .


- Menguruskan hal-ehwal kewangan
- Menguruskan perbendaharaan Negara
- Menguruskan baitulmal
- Mengatur pungutan kharaj, jizyah dan zakat

Sekiranya anda dilantik sebagai pemimpin negara Malaysia, apakah nilai-nilai kepimpinan yang akan anda ikuti daripada pentadbiran kerajaan Khulafa al-Rasyidin

- Mengamalkan syura dalam pentadbiran
 - Mentadbir berdasarkan al-Quran dan Sunnah
 - Menjaga kebajikan rakyat
 - Memantapkan bidang ekonomi
 - Memantapkan bidang politik
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

KERAJAAN ABBASIYAH

Rajah berikut berkaitan dengan perubahan pentadbiran kerajaan Islam.



Terangkan pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah

- Diasaskan pada tahun 750M
- Revolusi Abbasiyah berjaya menumbangkan Kerajaan Bani Umayyah
- Ditaja oleh Ali bin Abdullah
- Bergerak secara sulit
- Pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz mula bergerak secara terbuka
- Meneruskan kempen atas nama Ahlul Bait (keluarga Nabi Muhammad s.a.w)
- Bertujuan mendapatkan sokongan
- Menjadikan Khurasan, Kufah dan Humaimah sebagai pusat operasi
- Diperkukuh dengan keanggotaan dua orang pahlawan besar
- Abu Salamah al-Khallal mengetuai gerakan di Kufah
- Abu Muslim al-Khurasani menjadi ketua di Khurasan
- Kerajaan Abbasiyah mengambil sempena nama al-Abbas iaitu bapa saudara nabi Muhammad s.a.w
- Mengamalkan sistem pemerintahan warisan/monarki

Terangkan sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah dalam bidang pendidikan

- Kota Bagdad menjadi pusat intelektual
- Pusat penyebaran ilmu
- Perkembangan kegiatan penulisan
- Pembinaan Baitul Hikmah
- Diasaskan oleh Khalifah Harun al-Rasyid
- Berkembang pesat pada zaman pemerintahan Khalifah al-Makmun
- Menterjemahkan karya falsafah dan sains
- Perkembangan kegiatan penulisan
- Melalui tiga tahap
- Tahap pertama mencatat segala idea atau percakapan
- Tahap kedua mengumpulkan idea yang serupa
- Tahap ketiga ialah mengarang
- Penglibatan golongan ulama dalam penulisan
- Ramai ulama menyusun hadis
- Menghasilkan tulisan dalam bidang fikah, tafsir, sejarah dan sebagainya

- Imam Malik, Ibn Ishaq, Abu Hanifah, Imam Syafie dan Imam Ahmad bin Hambal
- Pemisahan antara ilmu tafsir, ilmu sirah dan ilmu hadis
- Kegiatan penterjemahan
- Daripada bahasa Sanskrit, Suriani dan Yunani
- Menterjemah, mencipta dan membuat pembaharuan dalam karya yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab
- Penubuhan beberapa buah pusat pengajian tinggi
- Meningkatkan lagi kegiatan penyelidikan
- Hasil kajian sarjana Islam telah sampai ke Eropah
- Membuka mata ilmuan Eropah
- Melahirkan zaman pemulihan budaya yang dikenali sebagai Zaman Renaissance di Eropah
- Sifat keterbukaan dan kesediaan masyarakat Islam menimba ilmu daripada pelbagai sumber asing
- Membawa faedah kepada umat Islam sendiri

Pada pendapat anda, apakah cara yang sesuai untuk membentuk budaya keilmuan di negara kita?

- Menggalakkan kegiatan penulisan
 - Melengkapkan prasarana pendidikan supaya setaraf dengan negara maju
 - Menjalinkan hubungan dengan pusat kecemerlangan ilmu dunia yang lain
 - Menganjurkan lawatan sambil belajar ke institusi pengajian tinggi luar negara
 - Menjalinkan pertukaran pegawai dengan universiti luar negara
 - Mengadakan pertukaran pelajar dengan negara luar
 - Menggalakkan kegiatan penterjemahan
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

BAB 7 – ISLAM DI ASIA TENGGARA

KEDATANGAN ISLAM DI ASIA TENGGARA

Terangkan bukti-bukti yang telah dikemukakan bagi menyokong teori yang menyatakan Islam berkembang ke Asia Tenggara dari Semenanjung Tanah Arab.

- Islam berkembang ke Asia Tenggara menerusi aktiviti para pedagang
- Catatan China menyatakan wujudnya pusat perniagaan / petempatan pedagang Arab di Canton sejak 300 M
- Sejak awal lagi pedagang Arab telah menguasai perdagangan laut dari pelabuhan Iskandariah Mesir hingga ke China
- Mereka telah berdagang secara berterusan di rantau ini terutama setelah kemunculan Islam
- Pedagang Arab singgah di pelabuhan utama di Asia Tenggara kerana kedudukan Selat Melaka yang strategik
- Pedagang Arab menetap selama beberapa bulan sebelum meneruskan perjalanan / membina perkampungan
- Perkampungan tersebut menyediakan tapak untuk berdagang / mengumpul barang jualan / membeli barangan mewah dari China dan India
- Terdapat orang Arab berkahwin dengan wanita tempatan
- Wujud tapak yang kukuh bagi pedagang Arab menjalankan perdagangan dengan pelabuhan lain di Asia Tenggara
- berbincang dengan pedagang tempatan tentang kepercayaan / agama semasa menunggu perubahan angin monsoon
- Kehidupan serta nilai murni Islam diperlihatkan oleh pendakwah dan pedagang Islam menarik minat orang tempatan
- Terdapat catatan China mengenai kewujudan perkampungan Arab bernama Ta Shih di Sumatera Utara pada tahun 650 M
- Tarikh kewujudan perkampungan ini menunjukkan Islam telah bertapak di Asia Tenggara sejak abad ketujuh masihi
- Persamaan antara bahan penulisan dan kesusasteraan di Asia Tenggara dengan kesusasteraan Tanah Arab
- Terdapat banyak perkataan Arab dalam tulisan jawi
- Adat resam dan kebudayaan orang Melayu dipengaruhi oleh budaya Arab
- Menghormati tetamu / muzik Melayu / dabus / tarian zapin
- Kebanyakan karya tempatan mengisahkan pengislaman raja oleh Syeikh dari Tanah Arab
- Pengislaman Raja Pasai iaitu Merah Silu
- Hikayat Raja-raja Pasai menceritakan bahawa pendakwah yang pertama tiba di Pasai ialah sufi keturunan Arab yang bernama Sheikh Ismail
- Kebanyakan kitab agama yang dikarang dalam bahasa Melayu menggunakan gaya bahasa tulisan Arab
- Tiada unsur India atau China dalam kitab yang dikarang ulama tempatan
- Kitab tempatan seperti tauhid / tafsir Al-Quran / hadis didapati menggunakan bahasa Arab / rujukan dari Tanah Arab

Teori kedua mengatakan bahawa Islam tersebar ke Asia Tenggara menerusi China. Pendapat ini dikemukakan oleh Emanuel Gadinho Eredia dan S.Q Fatimi. Nyatakan bukti-bukti yang dikemukakan oleh kedua-dua tokoh tersebut bagi mengukuhkan kenyataan mereka.

Emanuel Gadinho

- Memberi alasan bahawa Khan Fo atau Canton (sekarang dikenali dengan nama Guang Zhou) telah menjadi pusat perniagaan terkenal dikalangan peniaga Arab yang beragama Islam sejak abad kesembilan Masihi
- Jalinan ini membolehkan Islam berkembang dikalangan peniaga China di negara China
- Apabila peniaga China Islam ini berdagang ke Asia Tenggara, mereka telah menyebarkan Islam kepada masyarakat Asia Tenggara.

S.Q Fatimi

- Memberikan bukti bahawa berlaku perpindahan beramai-ramai pedagang Islam yang tinggal di Canton atau Amoy ke Asia Tenggara pada sekitar tahun 879 M.
- Pendapat ini diperkukuh dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu yang ditemui di Kuala Sungai Terset, Kuala Berang, Terengganu.
- Di Terengganu telah pun wujud sebuah kerajaan tua yang juga bergantung pada perdagangan.

Bukti tambahan tentang kedatangan Islam dari China

- Batu nisan yang mempunyai tulisan ayat-ayat al Quran dan kalimah Arab bertarikh 1028M telah ditemui di Kampong Permatang Pasir, Pulau Tambun Pekan Pahang
- Penemuan ini menunjukkan bahawa Islam telah sampai ke Tanah Melayu sebelum abad ke 13.
- Pandangan ini mendakwa bahawa Islam telah dibawa oleh mubaligh China Islam menerusi laut China Selatan, ke Phang Rang di Indo China dan ke Pekan Pahang.

Teori dan bukti Islam datang dari India

- Menyatakan bahawa Islam berkembang ke Asia Tenggara menerusi India dari wilayah Gujerat dan pantai Koromandel.
- Teori ini dikemukakan oleh Snouck Hurgronje, sejaran Belanda
- Hubungan perdagangan yang begitu lama telah wujud antara India dengan Asia Tenggara membolehkan pedagang India Islam menyebarkan Islam ke rantau ini.
- Batu marmar pada batu nisan di perkuburan Malik Ibrahim di Gerisik, Jawa dan batu nisan Malik al Salih di Pasai yang mempunyai ciri buatan India.
- Masyarakat Asia Tenggara mempunyai perkaitan rapat dengan India terutamanya dari segi budaya.

PENYEBARAN ISLAM DI ASIATENGGARA

Nyatakan keistimewaan Asia Tenggara yang menjadi tumpuan pedagang dan membantu perkembangan penyebaran Islam di rantau ini

- Keistimewaan Asia Tenggara ialah kedudukannya yang strategic
- Asia Tenggara terletak di antara China dan India
- Terdapat banyak pelabuhan di sekitar Selat Melaka. Contohnya Srivijaya, Perlak, Pasai, Melaka, Bantam, Cheribon, Makasra, Brunei dan Pattani
- Pelabuhan-pelabuhan Asia Tenggara mempunyai hubungan dengan pelabuhan di Lautan Hindi
- Contohnya Mocha, Hormuz, Surat, Goa dan Colombo
- Hubungan dengan pelabuhan di Pantai Koromendel India. Contohnya Masulipatam dan Pondecherry
- Hubungan dengan pelabuhan yang penting di Laut China Selatan

Berikan pendapat anda, mengapakah Islam tersebar ke Asia Tenggara menerusi jalan laut ?

- Kemajuan dari segi pengangkutan dengan terciptanya kapal layar / kapal wap
- Jalan darat sedia ada jauh / sukar / banyak halangan politik dan geografi / ancaman keselamatan
- Wujud pelabuhan-pelabuhan utama di Asia Tenggara
- Pelabuhan-pelabuhan di Asia Tenggara mempunyai kemudahan yang lengkap untuk kapal berlabuh
- Kemahiran ilmu pelayaran dengan menggunakan kompas / peta
- Wujud kerajaan-kerajaan maritim di pesisir pantai menjadi pintu masuk kepada para pedagang
- Industri perkapalan berkembang maju dan ini menggalakkan pelayaran
- Wujud konsep dakwah yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab / India / Parsi melalui jalan laut
- Telah wujud hubungan tradisi antara Asia Tenggara dengan tamadun Arab / India dan China
- Kegiatan pelayaran merupakan satu kebanggaan dan mempunyai nilai patriotik masyarakat dahulu kala

Sekiranya anda seorang mubaligh yang menyebarkan Islam di Asia Tenggara , apakah ciri-ciri yang mesti anda miliki bagi melaksanakan misi tersebut?

- Keperibadian yang baik
 - Jujur
 - lemah-lembut
 - menimbulkan kesedaran kepada masyarakat tentang maksud bekerja dan beramal
 - mengelakkan hidup yang berrmewah
 - menjauhi sifat membazir
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

PENGARUH ISLAM DI ASIA TENGGARA

Kesan kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Asia Tenggara.

Huraikan pengaruh kesenian Islam dalam kehidupan masyarakat Asia Tenggara.

- Seni khat dapat dilihat pada batu nisan dan ukiran kayu.
- Tulisan abjad Arab diukir cantik pada batu nisan.
- Ukiran pada batu nisan Malik Ibrahim yang dibawa dari Gujarat.
- Makam Naina Hisham al-din yang ditemui di Pasai turut mengandungi syair dan pola hiasan daun yang berunsur Parsi.
- Seni khat turut diukir pada batu bersurat dan bilah mata keris.
- Merakamkan ayat suci al-Quran , hadis serta catatan sejarah pemerintahan tempatan.
- Ayat suci al-Quran ditahtakan dengan emas, perak dan permata
- Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 Masihi merupakan seni khat tertua
- Seni ukiran kayu masyarakat Melayu turut dipengaruhi seni khat Islam
- Unsur seni kaligrafi Islam turut menggunakan huruf Arab, ayat al-Quran dan tulisan jawi.
- Pada bangunan masjid, surau dan rumah kediaman terdapat rangkaian tulisan al-Quran
- Pengaruh seni bina Islam turut terserlah pada bangunan masjid
- Terdapat pada bangunan Masjid Ubudiyah Kuala Kangsar
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Nyatakan pengaruh Islam dalam sistem ekonomi yang disarankan oleh ajaran Islam.

- Rajin bekerja dan mencari rezeki yang halal
- Melarang perbuatan mengemis
- Menggalakkan orang Islam berdagang
- Mengamalkan unsur-unsur yang halal semasa berurus niaga
- Melarang amalan riba/penindasan/penipuan
- Adil dalam timbangan dan sukatan
- Mewajibkan golongan kaya dan berkemampuan membayar zakat harta
- Menggalakkan sikap berjimat cermat dalam menguruskan kewangan.
- Menegah amalan membazir dan boros
- Berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan Negara
- Penubuhan Baitulmal
- Menggerakkan semangat jihad
- Usaha untuk menentang kemiskinan/ mendapat satu kehidupan sempurna.
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Apakah keistimewaan Islam sehingga agama ini dapat mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan masyarakat hari ini?

- Kemurnian agama Islam mencakupi pelbagai bidang
 - Konsep Tuhan Yang Esa atau Tauhid
 - Keadilan sesama manusia
 - Memberi hak individu dan masyarakat
 - Menyanjung akhlak mulia
 - Kehidupan yang harmoni
 - Menyebarkan konsep kebahagiaan dunia dan akhirat
 - Menuntut manusia berfikir secara rasional
 - Menekankan konsep ukhuwah dan persaudaraan
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

BAB 8: PEMBAHARUAN DAN PENGARUH ISLAM DI MALAYSIA SEBELUM KEDATANGAN BARAT

PENGARUH ISLAM DALAM EKONOMI

Kemunculan Islam turut membawa kesan besar kepada orang Melayu dalam bidang ekonomi.

Apakah pengaruh Islam dalam aspek perniagaan pada zaman kesultanan Melayu Melaka?

- amalan riba tidak dibenarkan.
- golongan kaya dan berkemampuan membayar zakat harta.
- kutipan zakat disimpan oleh baitulmal.

Mengapakah orang Melayu mula terlibat dalam kegiatan perdagangan selepas kedatangan Islam di rantau Asia Tenggara ?

- Perdagangan di Laut Hindi dan China Selatan dikuasai pedagang Islam.
 - Perniagaan adalah sumber rezeki yang besar .
 - Mencontohi amalan Nabi Muhammad s.a.w.
 - Perdagangan menjadi saluran untuk menyebarkan Islam.
 - Kemunculan Melaka sebagai pusat perdagangan.
 - Bahasa Melayu menjadi lingua franca
 - Orang Melayu mahir dalam perniagaan
 - Orang Melayu mahir membina kapal
- Mana-mana jawapan munasabah*

Senaraikan mata wang tempatan yang diperkenalkan di Negeri-Negeri Melayu sebelum kedatangan kuasa Barat.

- mata wang timah.
- mata wang emas.
- wang katun.
- wang kijang.
- kupang

Apakah ciri-ciri Islam yang terdapat pada mata wang negeri-negeri Melayu pada abad ke-16 dan abad ke-17.

- Tertulis nama sultan yang mengeluarkan mata wang.
 - Terdapat tarikh Islam pada mata wang itu.
 - Ditulis dengan tulisan jawi / Arab
 - Tertulis gelaran Islam – *Khalifatul Muslimin dan sebagainya*
 - Mempunyai hiasan bercirikan Islam
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

Nyatakan kepentingan sistem mata wang dan sistem cukai terhadap pembangunan ekonomi negara.

- Melicinkan urusan perdagangan
 - Meningkatkan pertumbuhan ekonomi
 - Meningkatkan peluang perdagangan dan pelaburan
 - Menjadi pemangkin kepada perkembangan industri
 - Menggalakkan masyarakat tempatan berdagang
 - Meningkatkan taraf hidup rakyat
 - Mempercepatkan pembangunan infrastruktur
- Mana-mana jawapan munasabah*

Cukai di Melaka dibahagikan kepada cukai tetap (cukai import) dan cukai diraja. Nyatakan peraturan cukai tersebut.

Cukai Tetap

- Dikenakan ke atas barangan yang diimport.
- Jumlah cukai telah ditetapkan oleh pemerintah.
- Pedagang dari India, Ceylon, Tanah Arab, Siam dan Pegu – 6 peratus..
- Pedagang dari Jepun dan China – 5 peratus.
- Cukai dibayar sebelum urusan perniagaan dilakukan.
- Setelah cukai dibayar, urusan jual beli dapat dilakukan di bazar-bazar .
- Beras dan barang makanan dikecualikan cukai.

Cukai Diraja

- Dikenakan ke atas orang asing yang menetap di Melaka.
- Orang asing dari Kepulauan Melayu – 3 peratus.
- Orang asing dari tempat lain – 6 peratus.

Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan cukai kepada sesebuah negara?

- sumber pendapatan negara
- digunakan untuk membangunkan negara.
- menyediakan infrastruktur
- membantu golongan yang memerlukan bantuan.

Huraikan kesan pengaruh Islam dari aspek perdagangan dalam Kesultanan Melaka.

- perdagangan di Lautan Hindi / Laut China Selatan didominasi pedagang Islam.
- mempengaruhi perkembangan perdagangan di Alam Melayu.
- pedagang Melayu aktif dalam rangkaian perdagangan Timur / Barat.
- saranan Islam, perdagangan sumber rezeki yang besar.
- aktiviti perdagangan menjadi saluran penting yang memesatkan proses pengislaman.
- Melaka menjadi pusat perdagangan yang penting pada abad ke-15.
- disebabkan kedudukan yang strategik
- kehadiran ramai pedagang asing.
- pentadbiran di Melaka licin dan teratur.
- Laksamana menjaga urusan pelabuhan.

- Syahbandar sebagai ketua pelabuhan.
- pengubalan Undang-undang Laut Melaka.
- landasan bagi tugas nakhoda / jurumudi.
- kepesatan perdagangan di Melaka dibuktikan dengan 84 bahasa yang dipertuturkan.
- pengenalan sistem timbang / sukat.
- menggunakan sistem tahil / kati.
- barang ditimbang seperti beras / perak / wangian / batu permata
- timbangan menggunakan dacing.
- menyediakan kemudahan di pelabuhan / gudang
- urusan perdagangan secara tukar barang / barter / menggunakan mata wang
- selepas kejatuhan Melaka perdagangan diteruskan oleh Johor / Kedah / Kelantan / Terengganu.

Pada pendapat anda, apakah nilai-nilai ekonomi Islam yang harus diamalkan oleh masyarakat sekarang.

- rajin bekerja.
- mencari rezeki yang halal.
- melarang perbuatan mengemis.
- menggalakkan orang Islam berdagang.
- mengamalkan unsur-unsur yang halal semasa berurus niaga.
- amalan riba / penindasan / penipuan adalah dilarang
Mana-mana jawapan yang munasabah

Pada pendapat anda, apakah nilai-nilai ekonomi Islam yang harus diamalkan oleh masyarakat sekarang.

- rajin bekerja.
- mencari rezeki yang halal.
- melarang perbuatan mengemis.
- menggalakkan orang Islam berdagang.
- mengamalkan unsur-unsur yang halal semasa berurus niaga.
- amalan riba / penindasan / penipuan adalah dilarang
Mana-mana jawapan yang munasabah

BAB 9 : PERKEMBANGAN DI EROPAH

ZAMAN RENAISSANCE

Berikan maksud zaman Renaissance

- Renaissance bermaksud kelahiran semula
- Berasal dari perkataan Itali Renascimento
- Menonjolkan keupayaan manusia berfikir untuk menyelesaikan masalah
- Penghargaan semula ilmu dalam tamadun Rom dan Yunani
- Renaissance bermula di Itali

Berikan kesan zaman Renaissance

- Munculnya monarki baharu dengan kerajaan pusat yang kuat
- Ekonomi sara diri semakin pupus dan perdagangan semakin berkembang
- Kegiatan penjelajahan dan penerokaan berkembang seiring dengan kemajuan dalam bidang geografi, kartografi, astronomi dan matematik
- Masyarakat lebih yakin kepada diri-sendiri
- Masyarakat mementingkan pendidikan yang menekankan pemikiran logik, saintifik, falsafah dan metafizik
- Membentuk sifat inkuiri dan berani untuk meneroka perkara dan bidang baharu bagi mencapai kejayaan

REFORMATION

Mengapakah gerakan Reformation berlaku di Eropah pada abad ke 16?

- Berlaku kepincangan, rasuah dan penyelewengan .
- Pihak gereja Rom telah meningkatkan usaha pembangunan keduniaan
- Amalan golongan penguasa Gereja Katholik tidak selari dengan kitab Bible
- Masyarakat mempersoalkan kedudukan dan amalan Gereja Katholik
- Lebih cenderung mengamalkan gaya hidup pemerintah/ bangsawan yang tidak mencerminkan kehidupan keagamaan
- Terdapat penyelewengan dengan penjualan sijil Indulgences, surat pengampunan
- Penciptaan mesin cetak oleh Johann Gutenberg membolehkan Bible dihasilkan dalam masa yang singkat dengan harga yang murah.
- Tindakan Martin Luther menentang amalan Indulgences.
- Luther percaya yang manusia itu seharusnya bergantung pada kekuatan rohaninya
- Mencabar kedudukan gereja dan institusi paderi.

Jelaskan kesan gerakan Reformation di Eropah

- Agama Kristian berpecah kepada Katholik dan Protestan.
- Mazhab Protestan pimpinan Luther berkembang ke Sweden, Denmark, Norway dan England
- Di Switzerland, gerakan pada mulanya dipimpin oleh Huldreich Zwingli kemudian dipimpin pula oleh John Calvin
- Berlaku perang keagamaan di Perancis dan Perang 30 tahun yang melibatkan Sepanyol, German, Bohemia, Denmark dan Sweden
- Peperangan mengikut mazhab telah mengakibatkan kemusnahan
- Dalam jangka panjang, timbul sikap toleransi antara pengikut mazhab Kristian untuk mempergiatkan pendidikan dan penyebaran fahaman mereka
- Kuasa gereja telah dicabar secara terbuka
- Kuasa gereja terhadap monarki berkurangan
- Raja membebaskan diri daripada penguasaan Paus di Rom.

Pada pendapat anda, apakah iktibar yang diperolehi daripada Zaman Reformation yang berlaku di Eropah kepada negara kita

- Bersatu pendapat dalam semua perkara
- Kesederhanaan dalam kehidupan
- Kemusnahan akibat perang
- Berpegang kepada ajaran agama
- Mengelakkan rasuah dan penyelewengan
- Sikap bertoleransi akan membawa kemajuan
- Tidak bersikap fanatik

BAB 10 DASAR BRITISH DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI NEGARA

EKONOMI TRADISIONAL YANG TERDAPAT DI NEGARA KITA

Nyatakan ciri ciri ekonomi tradisional yang terdapat di negara kita

- Untuk menyara diri sendiri dan keluarga
- Hasil pengeluaran dalam skala kecil
- Penggunaan teknologi yang mudah
- Modal yang kecil
- Jumlah buruh yang terhad
- Pasaran hasil yang kecil
- Aktiviti utama ialah bertani dan menternak
- Penggunaan peralatan asas / tradisional – cangkul,tajak,tenggala
- Tenaga binatang dan manusia digunakan

Pada pendapat anda,mengapakah orang Melayu kurang terlibat dengan tanaman komersial

- Tidak mendapat galakan British.
- Orang Melayu terlibat dalam tanaman tradisional untuk sara sendiri dengan menanam padi dan menjadi nelayan.
- Tidak mempunyai modal.
- Tidak memiliki teknologi.
- Tidak memiliki kepakaran.

PENDIDIKAN VERNAKULAR

Berikan ciri ciri pendidikan vernakular

- Menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.
- Gagal memupuk perpaduan bangsa.
- Murid-murid pelbagai kaum dipisahkan.
- Menggunakan sistem pendidikan yang berbeza.
- British mengubah sistem pendidikan Melayu.
- Tidak terbela dan tidak dipertingkatkan.

Vernakular Melayu

- Sekolah Melayu pertama di Teluk Belanga, Singapura (1856), Seberang Prai, Pulau Pinang (1871)
- serta Kuala Kangsar dan Batu Gajah (1884).
- Sekolah Melayu untuk murid perempuan dibina di Negeri-Negeri Selat (1885).
- Setakat sekolah rendah.
- Kurikulum terbatas.
- Menjadikan anak Melayu sebagai petani yang lebih baik daripada bapanya.
- Kolej Melayu Kuala Kangsar (1905) untuk golongan elit.
- Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) melatih guru sekolah Melayu (1922).

Pendidikan Tamil orang India

- Disediakan British di kawasan bandar.
- Pengurusan ladang membiayai sekolah Tamil.
- Sekolah Tamil Vivekananda (1912) di Seremban berorientasikan sistem pendidikan India.
- Sukatan pelajaran, buku dan tenaga pengajar dari India.
- Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar.

Sekolah Cina

- Dibiayai oleh saudagar dari China.
- Sekolah Chung Hwa (1914) dan Sekolah Cina Yuk Chai (1926) di Kuala Pilah.
- Menggunakan dialek masing-masing sebagai bahasa pengantar.
- Buku dan sukatan pelajaran dari China.
- British mewartakan Enakmen Pendaftaran Sekolah (1920) untuk menyekat pengaruh komunis di sekolah Cina.
- Aktiviti sekolah Cina dikawal oleh British.

Perkembangan sekolah Inggeris

- Usaha muhaligh Kristian dan badan sukarela.
- Sekolah Inggeris dianggap elit.
- Lokasinya di bandar.
- Pelajarnya orang atasan.
- Kurikulum berasaskan sistem pendidikan di England.
- Menubuhkan universiti tetapi agak lewat, iaitu Universiti Malaya di Singapura.

Bagaimanakah sistem pendidikan negara mampu membentuk anda menjadi insan cemerlang?

- Mementingkan dunia dan akhirat.
- Berpengetahuan tinggi.
- Berkemahiran dan mempunyai kepakaran
- Bersifat holistik.
- Menekankan jasmani, emosi, rohani dan intelek.
- Berfikiran kreatif dan inovatif.
- Berkeyakinan.
- Berkepimpinan.
- Berfikiran global.
- Berdaya saing.

BAB 1 – KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

IMPERIALISME

Apakah yang dimaksudkan dengan imperialisme ?

- Dasar sesebuah negara meluaskan pengaruh dan wilayah
- dengan menjajah negara lain
- untuk kepentingan tertentu

Berikan dua kuasa Barat yang menjalankan dasar imperialismenya di Asia Tenggara.

Imperialis	Negara yang dijajah
• Britain	<i>Tanah Melayu dan Burma</i>
• Perancis	<i>IndoChina</i>
• Belanda	<i>Indonesia</i>
• Sepanyol	<i>Filipina</i>

Pada pendapat anda, mengapakah Asia Tenggara menjadi tarikan kuasa Barat menjalankan dasar imperialisme di rantau tersebut ?

- Kedudukannya strategik
 - Menjadi tempat persinggahan perdagangan
 - Dekat dengan kawasan pasaran
 - Terletak antara China dan India
 - Tanah yang subur
 - Kaya dengan bahan mentah
- Mana-mana jawapan munasabah*

Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah perkembangan sistem perhubungan dan pengangkutan mendorong imperialisme Barat di Asia Tenggara ?

Pembukaan Terusan Suez

- Mempercepatkan perjalanan antara Timur – Barat
 - Memendekkan jarak perjalanan Timur – Barat.
 - Perjalanan lebih selamat.
 - Menjimatkan kos perjalanan.
- Mana-mana jawapan munasabah*

Penggunaan Telegraf

- Memudahkan perhubungan.
 - Membolehkan kuasa imperialis memberi arahan kepada pegawainya dengan lebih cepat.
 - Ahli perniagaan Barat dapat berhubung dengan wakilnya di Timur.
 - Urusan perniagaan lebih mudah.
 - Perdagangan antarabangsa menjadi lebih pesat.
- Mana-mana jawapan munasabah*

Imperialisme Barat di Asia Tenggara bukanlah bertujuan mentamadunkan orang Timur, tetapi mempunyai muslihat tertentu. Jelaskan muslihat tersebut.

- Bertujuan meluaskan tanah jajahan
 - Bertujuan mencari kekayaan
 - Bertujuan menguasai bahan mentah
 - Bertujuan menguasai pasaran
 - Bertujuan menyebarkan agama Kristian
- Mana-mana jawapan munasabah*

Terangkan faktor yang mendorong imperialisme Barat di Asia Tenggara.

- Keistimewaan Asia Tenggara
- Kedudukan Asia Tenggara yang strategik
- Terletak antara China dan India.
- Asia Tenggara dekat dengan kawasan pasaran.
- Asia Tenggara memiliki tanah yang subur.
- Asia Tenggara kaya dengan bahan mentah.
- Revolusi perindustrian
- Sektor perkilangan meningkat.
- Hasil perkilangan dikeluarkan secara besar-besaran.
- Kuasa Barat memerlukan bahan mentah.
- Mereka juga perlukan pasaran yang luas.
- Perkembangan sistem perhubungan.
- Kapal wap membolehkan muatan lebih banyak.
- Terusan Suez memendekkan jarak dan mempercepatkan perjalanan.
- Perjalanan menjadi lebih selamat serta menjimatkan kos.
- Penciptaan telegraf mempercepatkan urusan perdagangan.
- Persaingan kuasa Barat.
- Kuasa Barat bersaing untuk meluaskan tanah jajahan
- Semakin luas tanah jajahan, semakin tinggi sanjungan.
- Tanah jajahan melambangkan kekuatan dan kekayaan.
- Slogan British dan Belanda gunakan slogan "Beban Orang Putih".
- Mereka mendakwa mereka lebih maju dan bertamadun.
- Mereka mahu majukan orang Timur.
- Perancis menggunakan slogan "Tugas Menyebarkan Tamadun".
- Mereka hendak mentamadunkan orang Timur.
- Mubaligh Kristian berhasrat menyebarkan agama Kristian.

Imperialisme Barat banyak mendatangkan kesan negatif terhadap masyarakat di negara Asia Tenggara. Jelaskan kesan tersebut.

- Asia Tenggara menjadi tanah jajahan kuasa Barat.
 - Sistem birokrasi Barat diperkenalkan di Asia Tenggara.
 - Berakhirnya sistem beraja di Asia Tenggara.
 - Undang-undang Barat dilaksanakan di Asia Tenggara
 - Sumber ekonomi dibolot oleh penjajah
 - Penyebaran agama Kristian di Asia Tenggara
 - Lenyapnya tamadun masyarakat di Asia Tenggara
 - Munculnya semangat menentang penjajah
- Mana-mana jawapan munasabah*

Kuasa Barat menggunakan slogan “beban orang putih” dan “tugas menyebarkan tamadun” untuk melindungi muslihat imperialisme mereka di Asia Tenggara. Pada pandangan anda, apakah muslihat tersebut ?

- Bertujuan meluaskan tanah jajahan
 - Bertujuan mencari kekayaan
 - Bertujuan menguasai bahan mentah
 - Bertujuan menguasai pasaran
 - Bertujuan menyebarkan agama Kristian
- Mana-mana jawapan munasabah*

Apakah langkah yang perlu dilakukan oleh pemimpin negara untuk memastikan kemerdekaan yang kita nikmati akan terus terpelihara ?

- Mewujudkan keamanan dalam negara
 - Mengekalkan perpaduan
 - Mewujudkan pentadbiran yang cekap
 - Memajukan ekonomi negara
- Mana-mana jawapan munasabah*

NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

Apakah matlamat diperjuangkan oleh Jose Rizal melalui gerakan nasionalisme yang tahap pertama di Filipina ?.

- Menuntut Filipina dijadikan wilayah Sepanyol
- Menuntut supaya bangsa Filipina mendapat hak seperti bangsa Sepanyol
- Menuntut kebebasan bersuara
- Menuntut supaya bangsa Filipina mendapat pembelaan

Nyatakan tindakan yang dilakukan oleh Andres Bonifacio untuk mendapatkan kemerdekaan Filipina daripada Sepanyol.

- Menubuhkan parti Katipunan.
- Melakukan penentangan secara radikal.
- Menerbitkan akhbar Kalayan.
- Menyebarkan fahaman revolusi melalui Kalayan
- Melancarkan revolusi bersenjata.

Mengapakah Pridi Panomyong memimpin gerakan yang mencetuskan Revolusi Thai pada tahun 1932 ?

- Kerabat diraja menguasai politik di Thailand.
- Rakyat tidak mahu sistem raja berkuasa mutlak.
- Rakyat mahukan sistem demokrasi dan sistem raja berperlembagaan.
- Kelemahan sistem pentadbiran.
- Sikap raja yang boros.

Nyatakan usaha yang dilakukan oleh Phibul Songram untuk mengurangkan pengaruh Cina dalam ekonomi dan sosial di Thailand.

- Meluluskan undang-undang yang menyekat penguasaan orang Cina dalam ekonomi.
- Menggalakkan orang Thai menceburi bidang perniagaan.
- Menamatkan penerbitan akhbar Cina
- Membubarkan sekolah Cina.
- Menukarkan nama negara Siam kepada Thailand (Tanah Bebas).
- Pegawai kerajaan dilantik daripada kalangan penganut agama Buddha

Pada pandangan anda, mengapakah gerakan nasionalisme yang berlaku di Thailand berbeza dengan yang berlaku di negara lain ?

- Tidak bersifat antipenjajah.
 - Bertujuan untuk mengekalkan kemerdekaan negara Thailand.
 - Mereka menentang penguasaan politik oleh kerabat diraja.
 - Melancarkan revolusi untuk menamatkan sistem raja berkuasa mutlak.
 - Bertujuan memperbaiki kelemahan dalam sistem pentadbiran.
 - Menentang sikap raja yang boros.
 - Mahu menyekat penguasaan orang Cina dalam ekonomi.
 - Mahu mewujudkan perpaduan kaum.
- Mana-mana jawapan munasabah.*

Terangkan perkembangan gerakan nasionalisme di negara Indonesia dan Burma.

Nasionalisme di Indonesia

Nasionalisme Tahap Pertama

- Dipelopori oleh Raden Adjeng Kartini.
- Beliau mahu mengubah nasib rakyat melalui pendidikan.
- Beliau berusaha memajukan pendidikan kaum wanita.
- Beliau menyedarkan masyarakat melalui karyanya "*Habis Gelap Terbitlah Terang*" dan "*Penulisan Seorang Puteri Jawa*".
- Karya itu mendedahkan kemunduran rakyat dan penindasan Belanda.
- Perjuangan beliau menjadi inspirasi kepada pejuang-pejuang untuk menubuhkan persatuan yang tersusun.
- Pertubuhan Muhammadiyah ditubuhkan.
- Matlamat Muhammadiyah ialah untuk menyebarkan Islam sebenar serta menghindari ancaman agama Kristian
- Muhammadiyah membina sekolah, klinik dan masjid.

Nasionalisme Tahap Kedua

- Dimulakan oleh Soekarno.
- Beliau menubuhkan Parti Nasional Indonesia (PNI).
- Parti politik radikal yang lain seperti Sarekat Islam (SI) dan Parti Komunis Indonesia (PKI) juga ditubuhkan.
- Parti-parti politik ini menuntut kemerdekaan secara kekerasan.
- PNI pimpinan Soekarno mendapat sokongan rakyat.
- Parti tersebut berjaya mempengaruhi rakyat Indonesia.
- Belanda menangkap pemimpin dan mengharamkan parti politik radikal.

Nasionalisme di Burma

Nasionalisme Tahap Pertama

- Gerakan tahap pertama dipelopori oleh sami Buddha dan golongan elit berpendidikan Barat.
- Sami Buddha menubuhkan Persatuan Belia Buddha.
- Persatuan ini mahu mengekalkan tradisi Buddha dan memajukan pendidikan rakyat Burma.
- Persatuan ini menggunakan isu kasut untuk membangkitkan semangat nasionalisme rakyat.
- Pemimpin persatuan itu menubuhkan Majlis Persatuan Am Kesatuan-Kesatuan Burma yang lebih radikal

Nasionalisme Tahap Kedua

- Gerakan tahap kedua muncul apabila sami Buddha membantah Laporan Montagu-Chelsford yang menyatakan Burma belum bersedia untuk memerintah sendiri.
- Mereka menubuhkan Majlis Am Sangha Sametggi yang dipimpin oleh Saya San.
- Mereka mencetuskan pemberontakan.
- Pelajar lancarkan revolusi untuk menuntut sebuah universiti
- Pejuang kemerdekaan menubuhkan Liga Antipemisahan yang menentang pemisahan Burma daripada India.
- Perlembagaan Burma diluluskan pada 1935 telah memberi peluang ke arah berkerajaan sendiri.
- Golongan Thakin menubuhkan Parti Dobama Asiayone untuk menuntut kemerdekaan.
- Dr. Ba Maw menang pilihan raya dan dilantik menjadi Perdana Menteri

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah kuasa Barat menangani gerakan nasionalis radikal di Asia Tenggara ?

- Menjatuhkan hukuman bunuh
Cth: ke atas Jose Rizal dan Andres Bonifacio (Filipina), Nguyen Thai Hoc (IndoChina)
- Menangkap dan memenjarakan
Cth: ke atas Emilio Aguinaldo (Filipina), Soekarno (Indonesia)
- Hanya membenarkan penubuhan parti politik bersifat sederhana sahaja
Cth : Kerajaan Amerika Syarikat membenarkan penubuhan parti politik sederhana di Filipina.
- Penjajah mengharamkan parti politik radikal.
Cth : Belanda haramkan Parti Nasional Indonesia
- Melarang pemerintah tempatan terlibat dalam politik
Cth : Penjajah Perancis melarang Maharaja Bao Dai di Vietnam melibatkan diri dalam politik.
- Penjajah memberi peluang ke arah berkerajaan sendiri.
Cth; Penjajah British meluluskan Perlembagaan Burma 1935 memberi peluang berkerajaan sendiri
Cth : Dr. Ba Maw memenangi pilihan raya dan dilantik menjadi Perdana Menteri Burma yang pertama.
Cth : Parti Nasional memenangi pilihan raya Filipina pada tahun 1907 menyebabkan Sergio Osmena mengetuai Dewan Perhimpunan.

Sebagai pemimpin gerakan nasionalisme, nyatakan usaha yang akan anda lakukan untuk memastikan gerakan nasionalisme yang lebih berkesan ?

- Menyusun strategi yang terancang supaya gerakan lebih mantap
- Menggunakan media untuk sebarkan idea nasionalisme kepada rakyat
- Memilih pemimpin yang berilmu pengetahuan
- Membuat tuntutan secara toleransi untuk elak pertumpahan darah

Mana-mana jawapan munasabah

BAB 2- NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

PERJUANGAN PEMIMPIN TEMPATAN MENENTANG BRITISH

Huraikan sebab pemimpin tempatan menentang British.

- Dasar penaklukan British
- British menakluk Negeri Melayu untuk meluaskan tanah jajahannya.
- British memperkenalkan peraturan supaya dapat mengukuhkan kedudukannya.
- Pemimpin tempatan menentang kehendak British menyebabkan berlakunya peperangan.
- British mengeksploitasi ekonomi tempatan.
- British menguasai sumber ekonomi melalui perjanjian dengan pemimpin tempatan.
- Saudagar Negeri Selat dibenar menjalankan kegiatan perlombongan dan perdagangan bijih timah.
- Ini menimbulkan kemarahan penduduk tempatan terhadap British.
- Pelaksanaan pentadbiran Barat
- British memaksakan pentadbiran Barat kepada penduduk tempatan.
- British memperkenalkan sistem cukai, peraturan tanah dan lain-lain untuk mendapatkan hasil.
- Kesulitan penduduk tempatan.
- Penduduk tertekan dengan undang-undang British.
- Undang-undang British bertentangan dengan amalan tradisi masyarakat.
- Cth: Di Terengganu, pembukaan tanah mestilah mendapat keizinan British dan dikenakan cukai tanah.
- Pemimpin tempatan kehilangan kuasa
- Pemimpin tempatan hilang kuasa memungut cukai.
- Pembesar kehilangan pengaruh ke atas anak buah dan kawasan pegangannya.
- Pemimpin tempatan yang mendapat sokongan anak buah mereka menentang British.
- British campur tangan dalam adat resam tempatan.
- British mencampuri adat resam tempatan.
- British memaksa masyarakat tempatan menerima nilai-nilai British.
- Cth: Di Perak, British melarang amalan gunakan orang suruhan.

Terangkan peristiwa penentangan Penghulu Dol Said di Naning atau Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu.

Penentangan Dol Said di Naning

- British mendakwa Naning sebagai jajahan takluknya
- Dol Said enggan menghantar satu persepuluh hasilnya sebagai ufti kepada British di Melaka
- British menghantar tentera untuk menakluki Naning.
- Penghulu Dol Said yang dibantu oleh Penghulu Rembau, Penghulu Remai, Dato' Kelana Sungai Ujong dan Penghulu Gemencheh berjaya mengalahkan tentera British
- British menyerang Naning sekali lagi.
- Penghulu Dol Said tidak dibantu oleh sesiapa pun.
- Penghulu Dol said terpaksa menyerah diri dan dibawa ke Melaka.

Penentang Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu

- Haji Abdul Rahman Limbong membantah sistem cukai dan undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh British.
- Beliau mengetuai penduduk kampung membuka tanah di Kuala Telemong tanpa menghiraukan peraturan tanah.
- Beliau sekali lagi berkumpul dan membuka tanah milik Tengku Nik Maimunah tetapi dapat disuraikan oleh British.
- Penduduk tempatan melancarkan serangan bersenjata.
- Mereka berjaya menduduki bangunan kerajaan di Kuala Berang.
- Dengan menggunakan nama Sultan, British menghantar pembesar dan berjaya menawan semula Kuala Berang.
- Sepasukan polis menyerang Kuala Telemong dan berjaya menangkap Haji Abdul Rahman Limbong.
- Beliau dibuang negeri ke Makkah.

Kemukakan hujah anda bagi menjelaskan bahawa penentangan pemimpin tempatan terhadap British adalah suatu tindakan yang wajar ?

- Mereka mempertahankan kedaulatan tanah air
 - Mereka mempertahankan adat resam dan budaya tempatan
 - Mempertahankan hak mereka
 - Mempertahankan kewibawaan
 - Mempertahankan maruah
 - Mempertahankan agama
- Mana-mana jawapan munasabah*

Pada pandangan anda, mengapakah penentangan pemimpin tempatan terhadap British tidak memperoleh kejayaan ?

- Strategi penentangan kurang tersusun
 - Perpecahan dalam kalangan pengikut
 - Kelengkapan senjata kurang canggih
 - Kekurangan sokongan
 - Perjuangan bersifat setempat
- Mana-mana jawapan munasabah*

Berikan nama tempat berlakunya peristiwa penentangan oleh dua tokoh berikut?

Tok Janggut :

- Pasir Puteh
- Saring
- Kelantan

Haji Abdul Rahman Limbong :

- Kuala Berang
- Terengganu
- Kuala Telemong

Apakah sebab mereka melakukan penentangan tersebut?

Tok Janggut

- Membantah sistem cukai British
- Enggan membayar cukai
- Keengganan Pegawai Daerah Pasir Puteh melayan bantahan oleh Tok Janggut
- Arahan polis untuk menangkap Tok Janggut

Haji Abdul Rahman Limbong

- Menentang sistem cukai British
- Menentang sistem peraturan tanah British

Nyatakan kejayaan perjuangan pada peringkat awal penentangan mereka.

Tok Janggut

- Berjaya menawan Pasir Puteh
- Berjaya membentuk kerajaan Pasir Puteh
- Menjadi Perdana Menteri Pasir Puteh

Haji Abdul Rahman Limbong

- Membersihkan tanah di Kuala Telemong
- Membuka tanah milik Nik Maimunah Ibn Sultan Zainal Abidin III
- Berjaya menawan bangunan kerajaan di Kuala Berang

Mengapakah semua penentangan pemimpin tempatan di Tanah Melayu berakhir dengan kegagalan ?

- Penggunaan senjata tradisional
 - Perancangan tidak rapi
 - Kurang kerjasama daripada pemimpin daerah lain
 - Salah jangkakan terhadap kekuatan musuh
 - British membawa masuk bantuan dari luar
 - British menggunakan nama Sultan
 - Tindakan tegas daripada British
- Mana-mana jawapan munasabah*

Cadangkan strategi yang sewajarnya dilakukan oleh pemimpin tempatan dalam usaha menentang British.

- Menggunakan senjata moden
 - Melakukan perancangan yang teliti
 - Mengkaji kekuatan dan kelemahan musuh
 - Mendapatkan kerjasama daripada Sultan/pembesar daerah lain
 - Meningkatkan ilmu mengenai peperangan
 - Mengukuhkan strategi pertahanan
 - Menggunakan kaedah perundingan
- Mana-mana jawapan munasabah*

AKHBAR, MAJALAH & NOVEL : PENGGERAK NASIONALISME

Terangkan persoalan berkaitan ekonomi dan sosial orang Melayu yang dibangkitkan dalam akhbar dan majalah pada tahun 1930-an.

Ekonomi

- Menggalakkan orang Melayu menubuhkan syarikat.
- Meminta British mengurangkan kemasukan imigran.
- Menggalakkan orang Melayu berniaga.
- Melarang orang Melayu menjual tanah mereka.
- Menyeru orang Melayu berjimat cermat.
- Meminta British adakan kampung khas Melayu di KL.

Sosial dan Pendidikan

- Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu
- Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan.
- Meninggalkan sikap memilih kerja dan malas.
- Menggalakkan tabungan untuk pendidikan anak-anak.
- Mementingkan kemahiran tradisional Melayu.
- Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris
- Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu

Jelaskan unsur semangat kebangsaan yang menjadi tema dalam novel Melayu pada ketika itu.

- Semangat perjuangan menentang penjajah.
- Semangat cinta akan tanah air.
- Menghargai sumbangan tokoh-tokoh Kesultanan Melayu Melaka.
- Menghargai warisan bangsa.
- Semangat generasi muda menjaga maruah bangsa.
- Berbangga dengan kebolehan sendiri.
- Kebebasan wanita menentukan hala tuju kehidupannya.
- Mementingkan pendidikan untuk kebaikan diri.
- Membuang pandangan negatif yang menghalang kemajuan.

Pada pendapat anda, mengapakah wartawan pada tahun 1930-an lebih gemar menggunakan media cetak untuk memberi kesedaran kepada masyarakat ?

- Harganya lebih murah
 - Mudah untuk disebarkan
 - Masyarakat sudah celik huruf
 - Boleh disampaikan dalam pelbagai gaya
 - Digemari oleh masyarakat pada masa itu.
 - Media elektronik belum begitu meluas
- Mana-mana jawapan munasabah.*

Apakah langkah yang boleh dilaksanakan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat di negara kita ?

- Menganjurkan pertandingan membaca
 - Menurunkan harga buku
 - Menggalakkan penulisan pelbagai karya
 - Menambahkan bilangan perpustakaan awam dalam negara
 - Memberi bantuan baucar buku
 - Memberi diskaun kepada buku bacaan umum
 - Memberi pengecualian cukai pendapatan ke atas pembelian bahan bacaan
- Mana-mana jawapan munasabah.*

PERJUANGAN NASIONALISME OLEH PERSATUAN MELAYU

Apakah kejayaan yang dicapai oleh Kesatuan Melayu Singapura (KMS) dalam perjuangannya.

- Orang Melayu dilantik menjadi pegawai dalam pentadbiran British
- Orang Melayu mempunyai wakil dalam Majlis Perundangan Negeri Selat
- British menjaga kebajikan orang Melayu Singapura.
- Orang Melayu mendapat kawasan petempatan khas di Singapura
- KMS berjaya menubuhkan cawangannya di Tanah Melayu.

Nyatakan tujuan penubuhan Persatuan Sabahat Pena Malaya (PASPAM)

- Menggalakkan ahli berkenal-kenalan.
- Menggalakkan ahli bertukar pendapat untuk memajukan diri dan bangsa
- Menggalakkan perpaduan orang Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

Nyatakan dua tindakan bersifat politik yang dilakukan oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM) untuk membantu Jepun menentang British di Tanah Melayu.

- Membantu Jepun menghalau British.
- Menjadikan KMM sebagai badan propoganda Jepun.
- Membeli Warta Malaya untuk dijadikan alat propoganda Jepun.
- Menerbitkan artikel yang bersifat anti-British.
- Mengelilingi Tanah Melayu untuk cari sokongan
- Menubuhkan cawangan KMM di Maahad Ihya Assyarif, Gunung Semanggol.
- Menubuhkan tentera semut untuk menentang British

Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah kesedaran berpersatuan di negeri Sarawak dan Sabah tidak menonjol ?

- Kesulitan sistem perhubungan
 - Kekurangan pertubuhan yang aktif
 - Taraf pendidikan masyarakat masih rendah
 - Masyarakat terlalu tumpukan kepada kegiatan ekonomi
 - Kekurangan tokoh yang dapat memimpin persatuan
 - Masyarakat kurang berminat
- Mana-mana jawapan munasabah*

Pada pandangan anda, apakah faedah yang diperoleh jika kita bergiat cergas dalam sesebuah pertubuhan sosial ?

- Memupuk perpaduan kaum
 - Menambahkan pengalaman baru
 - Dapat menonjolkan bakat kepimpinan
 - Dapat menyuarakan masalah masyarakat
 - Merapatkan hubungan persahabatan
- Mana-mana jawapan munasabah*

BAB 3 : KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA

KESULTANAN MELAYU MELAKA

Sistem politik masyarakat Melayu tradisional berbeza daripada sistem politik negara dunia zaman moden ini.

Nyatakan ciri sistem politik masyarakat Melayu tradisional.

- Muncul kerajaan kerana adanya raja
- Kedudukan raja tertinggi/istimewa
- Raja bertanggungjawab memberikan perlindungan politik kepada rakyat
- Raja menjamin keselamatan rakyat
- Rakyat menerima/mengakui kekuasaan raja
- Kesetiaan rakyat terhadap raja menentukan sempadan kerajaan/wilayah
- Kerajaan yang kuat menakluki/menaungi kerajaan lemah
- Negara bermakna kawasan
- Kerajaan disebutkan sebagai negeri dan segala jajahan takluknya

Bagaimanakah kedatangan British telah mengubah sistem politik masyarakat Melayu tradisional?

- Kerajaan Melayu dirujuk sebagai negeri
- British menetapkan sempadan setiap kerajaan
- Konsep kerajaan beransur luput/digantikan dengan konsep negeri
- Pembinaan Malayan Union untuk membina negara dan bangsa yang moden
- Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948
- Menggabungkan semua negeri Melayu dalam sebuah pentadbiran pusat

Jelaskan ciri-ciri bangsa Malaysia.

- Terdiri daripada masyarakat berbilang kaum
- Berlainan bahasa
- Berlainan budaya
- Berlainan kepercayaan dan pendapat terhadap keduniaan
- Dibentuk melalui penggunaan satu bahasa kebangsaan
- Pengamalan kebudayaan kebangsaan
- Mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan

Sebagai seorang warganegara yang patriotik, cadangkan cara-cara pembinaan negara dan bangsa di negara kita dapat diperkukuhkan.

- Semangat patriotik yang tinggi
- Memantapkan perpaduan kaum
- Mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai pedoman dalam kehidupan
- Mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Mengamalkan Kebudayaan Kebangsaan untuk mengeratkan perpaduan kaum
- Mengamalkan semangat toleransi antara kaum

Pada umumnya, sistem pentadbiran Negeri-negeri Melayu berdasarkan sistem Kesultanan Melayu Melaka. Selain itu, warisan Kesultanan Melayu Melaka berkembang di negeri-negeri yang berkenaan.

Namakan kerajaan negeri yang diasaskan oleh kerabat Diraja Melaka.

- Kerajaan Johor
- Kerajaan Perak
- Kerajaan Pahang

Nyatakan perkara penting yang terkandung dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.

- Keturunan sultan sebagai pewaris takhta
- Pengiktirafan orang Melayu sebagai rakyat Johor
- Agama Islam sebagai agama negeri

Apakah larangan yang dinyatakan kepada Raja, Menteri dan Jemaah Pangkuan Negeri dalam undang-undang Tubuh Kerajaan Johor ini?

- Larangan menyerahkan negeri kepada kuasa atau kerajaan lain

Nyatakan perkara penting yang terdapat dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu.

- Mengamalkan sistem monarki
- Islam sebagai agama negeri
- Pemerintahan dibantu oleh Jemaah Menteri yang taat setia kepada raja

Pada pendapat anda, mengapakah undang-undang yang digubal penting kepada sesebuah negara?

- Jaminan kepada pemerintahan beraja.
- Mengekalkan kedaulatan negeri

Kesultanan Melayu Melaka merupakan sebuah kerajaan yang terkenal dan disegani. Pelbagai kecemerlangan telah dicatatkan oleh kerajaan tersebut.

Namakan karya yang mencatatkan peradaban kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan tokoh yang menghasilkannya.

- Sejarah Melayu atau Sulalatus Salatin
- Tun Seri Lanang

Berikan ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.

- Wilayah pengaruh
- Kedaulatan
- Keunggulan undang-undang
- Kerajaan
- Lambang-lambang
- Rakyat

Senaraikan alat kebesaran Diraja yang menjadi simbol kedaulatan raja memerintah.

- Tengkolok diraja
- Gendik diraja
- Cogan Agama
- Kalung diraja
- Pending diraja

Nyatakan sumber undang-undang yang diguna pakai pada zaman tersebut

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Laut Melaka

Pada pendapat anda, mengapakah alat-alat kebesaran Diraja menjadi penting dalam pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka?

- Mengukuhkan kedudukan raja berkenaan
- Perakuan daripada kerajaan lain terhadap kedaulatan raja tersebut

Ciri Kesultanan Melayu Melaka mempunyai persamaan dengan ciri negara bangsa moden hari ini.

Huraikan ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.

- Mempunyai wilayah pengaruh
- Wilayah merujuk kepada kawasan tempat tinggal rakyat
- Rakyat di kawasan tersebut menerima dan mentaati pemerintahan beraja
- Wilayah itu juga mempunyai sempadan yang diterima umum
- Mempunyai kawasan lingkungan pengaruh yang luas
- Meliputi Semenanjung Tanah Melayu/seluruh timur Sumatera
- Mempunyai kedaulatan
- Raja mempunyai kekuasaan tertinggi terhadap rakyat
- Kekuasaan tersebut tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak
- Kekuasaan dimiliki oleh negara/pemerintah
- Negara/pemerintah berkuasa menggubal/menguatkuasakan undang-undang
- Merujuk kepada raja yang memerintah
- Raja/pemerintah mewakili negeri/kawasan pemerintahan
- Raja/pemerintah mempunyai kuasa mutlak terhadap rakyat
- Mempunyai lambang-lambang
- Merupakan simbol/tanda yang menjadi identiti sesebuah negara
- Lambang Kesultanan Melayu Melaka/kebesaran raja dilambangkan dengan alat regalia/nobat/warna/bahasa/undang-undang/protokol/adat istiadat istana
- Keunggulan undang-undang
- Undang-undang berperanan mengawal masyarakat/memelihara keamanan/melindungi rakyat
- Mempunyai dua sumber undang-undang bertulis
- Hukum Kanun Melaka/Undang-undang Laut Melaka
- Undang-undang bertulis ini mempunyai ciri hukum adat tempatan dan agama Islam
- Mempunyai rakyat
- Rakyat merujuk kepada penduduk yang mendiami di suatu kawasan
- Rakyat terikat dengan undang-undang dan peraturan
- Rakyat mentaati raja yang memerintah

- Rakyat bertanggungjawab mempertahankan negara
- Menghadiri adat istiadat kerajaan
- Melaksanakan kerahan tenaga/gotong royong
- Mempunyai kerajaan
- Berkuasa menguruskan pentadbiran/menjaga keamanan/mempertahankan kedaulatan negara/menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain
- Kerajaan terbentuk kerana mempunyai raja
- Sultan sebagai pemerintah tertinggi
- Raja dibantu oleh Bendahara/Penghulu Bendahari/Temenggung/Laksamana
- Mengamalkan pemerintahan Sistem Pembesar Empat Lipatan
- Pembesar Berempat/Pembesar Berlapan/Pembesar Enam Belas/Pembesar Tiga Puluh Dua

Jelaskan warisan Kesultanan Melayu Melaka dalam sistem pemerintahan di negeri Johor, Perak dan Pahang yang masih kekal sehingga kini.

- Pemerintahan menggunakan gelaran sultan
- Sultan sebagai ketua negeri
- Sistem pewarisan takhta
- Adat istiadat Melayu/pertabalan/pemakaman
- Agama Islam sebagai agama negeri
- Bahasa Melayu
- Undang-undang tubuh negeri
- Mengamalkan sistem Pembesar Empat Lipatan
- Kerajaan Johor, Perak dan Pahang diasaskan oleh kerabat diraja Melaka
- Alat kebesaran /lambang kebesaran
- Konsep daulat
- Penggunaan warna
- Protokol
- Bahasa istana/bahasa dalam
- Gelaran pembesar

Seandainya keamanan negara terganggu oleh anasir yang tidak bertanggungjawab. Kemukakan cadangan anda kepada pemimpin negara tindakan yang harus diambil oleh kerajaan dalam mengatasi cabaran tersebut.

- Mengambil tindakan tegas undang-undang
- Menyatukan rakyat semua lapisan masyarakat
- Menjelaskan kepentingan keamanan dalam kalangan rakyat
- Memantapkan perpaduan antara kaum
- Mempertingkatkan kerjasama antara kerajaan dengan rakyat
- Memperkukuhkan semangat kemasyarakatan
- Mempertingkatkan konsep 1 Malaysia
- Memperbanyakkan pasukan sukarelawan
- Mempertingkatkan semangat cinta akan negara
- Memantapkan aktiviti Rukun Negara
- Meluaskan aspek keamanan dan keselamatan dalam Program Khidmat Negara

PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA – TERENGGANU

Namakan sultan yang meluluskan undang-undang tersebut

- Sultan Zainal Abidin III

Apakah dua tujuan baginda memperkenalkan perlembagaan bertulis tersebut?

- Menghalang British meluaskan kuasanya di Terangganu
- Menjamin sistem pentadbiran yang berkesan
- Mengekalkan kedaulatan negeri

Nyatakan dua syarat untuk menjadi pemerintah Terangganu?

- Beragama Islam
- Berbangsa Melayu
- Lelaki
- Waris yang memerintah

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan perlembagaan bertulis kepada sesebuah kerajaan?

- Menghalang British meluaskan kuasanya di Terangganu
- Menjamin sistem pentadbiran yang berkesan
- Mengekalkan kedaulatan negeri Menjamin kestabilan negara Menjamin keadilan
- Menjamin taat setia rakyat
- Menjamin hak asasi

Mana-mana jawapan yang munasabah

Pada pendapat anda, mengapakah perlembagaan perlu dipinda?

- Melindungi kepentingan rakyat Menjaga keselamatan negara Melicinkan pentadbiran
- Sesuai dengan keperluan semasa
- Rakyat mematuhi dengan rela hati
- Melarang perkara sensitif dipersoalkan
- Menjadikan undang-undang yang munasabah

Mana-mana jawapan yang munasabah

BAB 4 - PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

MALAYAN UNION

Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada 1 Februari 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Perjanjian Malayan Union.

Siapakah dua orang bekas pegawai tinggi British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu yang menolak gagasan Malayan Union?

- Sir Frank Swettenham
- Sir R.O. Winstedt
- Sir George Maxwell
- Sir Cecil Clementhi Smith

Nyatakan tindakan yang diambil oleh Majlis Tindakan Bersama Seluruh Malaya [AMCJA] dan Pusat Tenaga Rakyat [PUTERA] dalam menghadapi British dan UMNO.

- Mengadakan ceramah politik
- Demonstrasi
- Mogok
- Mencadangkan Perlembagaan Rakyat

Nyatakan dua perkara yang dijelaskan melalui Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Syarat kerakyatan diperketatkan
- Ketuanan Melayu dikekalkan
- Institusi raja Melayu dikekalkan dan bidang kuasanya dijelaskan dalam pentadbiran

Apakah faktor yang mendorong British membatalkan Malayan Union?

- Tentangan hebat daripada orang Melayu
- Mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak

Apakah nilai yang diperoleh hasil daripada pembatalan Malayan Union?

- Harus bersatu menentang penjajah
- Perpaduan kaum sangat penting untuk kemerdekaan

Malayan Union ditubuhkan dengan tujuan untuk menyatukan penduduk di Tanah Melayu dan menjimatkan kos pentadbiran

Terangkan langkah-langkah ke arah penentangan Malayan Union oleh orang Melayu.

- Peranan akhbar
- Penentangan melalui akhbar seperti Utusan Melayu, Majlis dan Warta Negara
- Demonstrasi
- Demonstrasi terhadap Sir MacMicheal yang ditugaskan mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu
- Persatuan
- Penentangan melalui persatuan-persatuan Melayu
- Bantahan melalui surat dan telegram

- Persatuan-persatuan Melayu menghantar surat dan telegram bantahan kepada Pejabat Tanah Jajahan
- Mengadakan kongres
- Menganjurkan kongres-kongres Melayu
- UMNO
- Menubuhkan UMNO
- Pengisytiharan Malayan Union
- Bantahan terhadap pengisytiharan Malayan Union 1 April 1946
- Rapat umum
- Mengadakan rapat umum secara aman
- Raja-raja Melayu berkumpul di Kuala Kangsar untuk bantahan

Jelaskan kesan pengenalan Malayan Union terhadap politik di Tanah Melayu.

- Perubahan status
- Perubahan status Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada Jajahan
- Kehilangan kuasa
- Kehilangan kuasa raja-raja Melayu
- Kedudukan orang Melayu
- Kedudukan orang Melayu kedudukan orang Melayu akan setara dengan orang dagang
- Penyatuan politik
- Penyatuan politik seluruh Tanah Melayu buat kali pertama
- Status quo tergugat
- Orang Melayu bersatu untuk mempertahankan status quo mereka
- Perpaduan kebangsaan
- Perpaduan kebangsaan melampaui sempadan negeri
- Penubuhan UMNO
- Penubuhan UMNO untuk mempertahankan hak
- Semangat kebangsaan
- Menyemarakkan gerakan semangat kebangsaan

Pada pendapat anda, mengapakah golongan orang dagang dan imigran menyokong Malayan Union.

- Mendapat taraf warganegara
- Peluang ekonomi
- Peluang untuk meningkatkan taraf ekonomi
- Kesetiaan
- Tumpukan taat setia kepada negara
- Peluang sebagai pentadbir
mana-mana jawapan munasabah

Apakah pengajaran yang dapat dipelajari daripada kejayaan orang Melayu dalam menentang Malayan Union.

- Perpaduan jitu bangsa dalam mempertahankan status quo mereka
- Menjalin kerjasama antara pemimpin dan rakyat
- Sikap tegas dalam perjuangan
- Pemimpin berwibawa membawa kejayaan
- Mengamalkan sikap sederhana dalam sesuatu perjuangan
- Mengutamakan rundingan / diplomasi dalam menyelesaikan masalah

- Menggembelinkan tenaga semua golongan lapisan masyarakat dalam perjuangan
 - Berani / gigih dalam menghadapi cabaran / ancaman luar
 - Mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara
 - Kepentingan penubuhan organisasi kebangsaan bagi memperjuangkan kepentingan bangsa dan negara
- mana-mana jawapan munasabah*

BAB 5 – PEMBINAAN NEGARA BANGSA YANG MERDEKA

SISTEM AHLI

Berikan makna Sistem Ahli

- Sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu
- Satu dasar dekolonisasi British
- Dilaksanakan mengikut model negara Kenya dan Rhodesia Utara

Namakan dua tokoh yang mewakili UMNO yang terlibat dalam rundingan peringkat awal Sistem Ahli.

- Dato Onn Jaafar
- Raja Uda
- Dato' Nik Ahmed Kamil
- Dato' Hamzah Abdullah

Mengapakah British bersetuju memperkenalkan Sistem Ahli.

- Tapak asas bagi melatih penduduk tempatan untuk berkerajaan sendiri
- Memulakan proses perpaduan kaum/ gabungan kaum dalam pentadbiran negara
- Asas penting untuk menentukan kemerdekaan
- Memberikan pendedahan awal kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara
- Selaras dengan dasar dekolonisasi
- Mengurangkan tekanan Parti Komunis Malaya (PKM)

Nyatakan ciri-ciri Sistem Ahli yang diperkenalkan British

- Satu sistem kabinet bayangan
- Beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat memegang portfolio
- Anggotanya dikenali sebagai Ahli
- Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British
- Persetujuan Majlis Raja-raja Melayu
- Ahlinya terdiri daripada sembilan orang anggota-Lima orang penduduk Tanah Melayu dan empat orang pegawai British
- Ahli-ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British
- Ahli mengetuai sesebuah jabatan kerajaan

Nyatakan tugas-tugas Ahli dalam sistem tersebut

- Menjaga satu portfolio yang mengandungi beberapa jabatan kerajaan
- Mengandungi beberapa jabatan
- Mengurus pentadbiran harian jabatan mengikut dasar-dasar yang ada
- Mencadangkan undang-undang yang berkaitan jabatannya
- Ahli akan berbincang dengan pegawai kanan British untuk menyediakan undang-undang
- Menerima arahan dan persetujuan daripada Pesuruhjaya Tinggi British
- Cadangan undang-undang merupakan pendirian pentadbiran British

Pada pendapat anda, mengapakah negara kita memerlukan pemimpin yang berwibawa dan berwawasan ?

- Dapat mengurus negara dengan baik
- Negara menjadi aman dan tenteram
- Dapat mempercepat kemajuan Negara
- Dihormati oleh negara lain
- Dapat menarik pelabur asing
- Dapat merancang dan merangka pembangunan negara
- Dapat membuat hubungan baik dengan negara lain
- Diyakini oleh rakyat dan negara lain

Mana-mana jawapan munasabah

Sebagai seorang pelajar, apakah persediaan yang perlu anda lakukan untuk menjadi pemimpin negara pada masa depan ?

- Belajar bersungguh-sungguh
- Menguasai teknologi baharu
- Menguasai ilmu teknologi maklumat
- Menguasai bahasa Inggeris
- Berakhlak mulia
- Menjauhkan diri daripada budaya tidak baik
- Elakkan terjebak dengan najis dadah
- Mengamalkan gaya hidup sihat

Mana-mana jawapan yang munasabah

Pada pendapat anda, Sejauhmanakah Sistem Ahli menyumbang ke arah usaha berkerajaan sendiri di Tanah Melayu

- Sistem Ahli melatih orang tempatan berkerajaan sendiri
- Sistem ini memulakan proses perpaduan kaum
- Ia menjadi asas yang menentukan kemerdekaan yang akan dicapai mendapat sokongan penduduk tempatan
- Pendedahan kepada penduduk tempatan menerajui kerajaan walaupun dikuasai oleh British

SURUHANJAYA REID

Suruhanjaya Reid telah dibentuk pada bulan Mac 1956 bagi merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Terangkan peranan Suruhanjaya Reid dalam merangka perlembagaan tersebut.

- Merangka perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu.
- Membincangkan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
- Beberapa isu menjadi panduan dalam merangka perlembagaan.
- Antaranya ialah pembentukan sebuah persekutuan yang kuat pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu,
- Kedudukan Raja-Raja Melayu
- hak istimewa orang Melayu dan
- pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu.
- Menerima memorandum daripada pelbagai pihak.
- Memorandum diterima daripada Raja-Raja Melayu

- orang perseorangan
- pertubuhan politik.
- Cadangan Parti Perikatan diberi perhatian utama.
- Menerbitkan cadangan perlembagaan.
- Menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- Menghantar cadangan itu kepada Parlimen British.
- Parlimen British meluluskan cadangan perlembagaan itu.
- Menghantar cadangan itu kepada Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan Tanah Melayu untuk disahkan.
- Cadangan tersebut disahkan pada 17 Ogos 1957.
- Dengan itu lahirlah Perlembagaan Kemerdekaan 1957.

Senaraikan ahli Suruhanjaya Reid.

- Lord Reid (pengerusi) (Hakim British)
- Sir Ivor Jennings (England)
- Sir William McKell (Bekas Gabenor Jeneral Australia)
- Tun B. Malik (Hakim Mahkamah Tinggi India)
- Tuan Abdul Hamid (Pakistan)

Apakah perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh Suruhanjaya Reid ketika melaksanakan tugasannya.

- Pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu
- Suruhanjaya ini mengambil kira isu kedudukan Raja-raja Melayu
- Mengambil kira hak istimewa orang Melayu
- Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu
- Kerakyatan jus soli yang menjadi tuntutan orang dagang tidak dapat diterima oleh orang Melayu
- Kerakyatan Jus Soli akhirnya diterima oleh orang Melayu dengan syarat orang bukan Melayu
- Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dalam perlembagaan
- Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

Nyatakan isi perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan.
- Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.
- Institusi Raja dijadikan Raja Berperlembagaan
- Tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara Kuatkuasa Undang-Undang, Permohonan dan Naturalisasi.
- Prinsip jus soli diterima.
- Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan.
- Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.
- Tanah Simpanan Melayu dikekalkan.
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
- Yang Dipertuan Agong sebagai ketua negara.
- Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen
- Pada peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran dan dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan Exco.

Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 kepada pembinaan negara dan bangsa ?

- Langkah pembinaan negara dan bangsa yang kukuh.
- Unsur kesultanan Melayu dan sistem birokrasi Barat digabungkan untuk membentuk identiti negara dan bangsa
- Membolehkan sebuah kerajaan demokrasi dengan konsep Raja Berperlembagaan dibentuk.
- Memperlihatkan persetujuan kaum menerusi pakatan murni.
- Mewujudkan perpaduan kaum.
- Keharmonian kaum dapat dicapai tanpa menumpahkan darah.
- Memberikan hak mentadbir negara mengikut acuan sendiri.
- Melahirkan identiti masyarakat yang merdeka.
- Mengetepikan perbezaan agama, bahasa dan bangsa.
- Rakyat menikmati apa yang dipersetujui dalam Perlembagaan
Mana-mana yang munasabah

Pada pendapat anda, apakah faktor yang membantu kejayaan sesebuah pertubuhan Seperti Suruhanjaya Reid?

- kestabilan politik
- sistem pemerintahan yang kuat dan adil
- pemimpin berwibawa dan dinamis
- bersifat kreatif dan inovatif
- sentiasa berusaha membaiki dan meningkatkan kehidupan
- perkembangan pemikiran dan kemahiran
- saling bekerjasama
- perpaduan kaum/tolak ansur antara kaum

Pada pendapat anda, bagaimanakah kedaulatan sesebuah negara dapat dikekalkan?

- mempunyai pemimpin yang berwibawa
- perkuatkan angkatan tentera
- mengadakan hubungan diplomatik dengan semua negara
- kukuhkan perpaduan kaum
- rakyat mesti patriotik
- keadilan/keamanan/keharmonian diutamakan

PAKATAN MURNI

Pembinaan sebuah negara dan bangsa yang merdeka melibatkan rundingan dan kerjasama antara pemimpin terdahulu dengan pihak tertentu untuk menentukan hala tuju negara.

Terangkan langkah-langkah yang diambil untuk membentuk Pakatan Murni di negara kita.

Penubuhan jawatankuasa Hubungan Antara Kaum / *Communities Liason Committee* (CLC)

- JHAK dianggotai oleh kaum Melayu, Cina dan India
- JHAK mengutamakan perpaduan untuk kemerdekaan
- JHAK mengadakan rundingan dengan UMNO

JHAK mengadakan rundingan dengan UMNO

- Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri desa / Rural Industrial Development Authority (RIDA)
- Pemberian kerakyatan kepada imigran
- Pelaksanaan pilihanraya pada masa sesuai

Dato Onn Jaafar mencadangkan keahlian UMNO dibuka kepada bukan Melayu

- Beliau dikecam
- Orang Melayu enggan berkompromi untuk mengubah struktur UMNO
- Dato Onn meninggalkan UMNO

Dato Onn menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya / Independence Malaya Parti (IMP)

- Beliau membuka keahlian IMP kepada semua kaum
- Konsep kerjasama kaum dalam satu parti diutamakan

Pihak British menganjurkan Persidangan Kebangsaan

- Ditubuhkan oleh Sir Malcolm MacDonald
- Tujuannya ialah mencapai kerjasama politik
- Mengurangkan perkauman
- Tunku Abdul Rahman menganjurkan konvensyen Kebangsaan
- Konvensyen dianjurkan bersama MCA
- Konvensyen ini disertai oleh pelbagai parti politik

Jelaskan isu yang menjadi panduan Suruhanjaya Reid dalam usaha merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

- Pembentukan sebuah kerajaan Persekutuan yang kuat
- Pemberian kuasa autonomi kepada negeri
- Isu kedudukan Raja-Raja Melayu
- Hak istimewa orang Melayu
- Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu
- kerakyatan Jus Soli
- agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

Pada pendapat anda, mengapakah sikap toleransi penting kepada negara kita yang mempunyai rakyat pelbagai kaum.

- Mewujudkan keamanan negara
 - Memahami latar belakang budaya/ adat/ kepercayaan
 - Menyatupadukan rakyat
 - Dapat menyelesaikan masalah
 - Tidak berlaku salah faham
 - Dapat mencapai matlamat yang sama
 - Mengekalkan kemerdekaan/ kedaulatan
- Mana-mana jawapan munasabah*

SURUHANJAYA COBBOLD

Jelaskan langkah-langkah pembentukan Malaysia

- Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sabah dan Sarawak
- menerangkan tujuan penubuhan
- mengadakan rundingan antara pegawai British, Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura
- Penubuhan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK)
- Berperanan menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia
- Mengumpulkan pandangan penduduk
- Menubuhkan Suruhanjaya Cobbold (1962)
- Dipengerusikan oleh Lord Cobbold
- Bertujuan meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia
- satu per tiga menyokong tanpa syarat
- satu per tiga inginkan kemerdekaan dahulu
- penentuan tarikh penubuhan Malaysia
- bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan
- penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

Namakan ahli Suruhanjaya Cobbold

- Lord Cobbold
- Sir Anthony Abell
- Sir David Watherston
- Dato' Wong Pow Nee
- Tan Sri Ghazali Shafie

Apakah tujuan penubuhan Suruhanjaya Cobbold

- Meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah
- Tentang gagasan Malaysia
- Serta membuat penilaian
- Mengemukakan cadangan kepada pihak British

Nyatakan dapatan laporan Suruhanjaya Cobbold

- satu per tiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat
- satu per tiga menyokong dengan syarat
- satu per tiga lagi menginginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia

Terangkan cadangan Suruhanjaya Cobbold

- perlembagaan Malaysia yang baru harus berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
- Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigresennya
- Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan
- Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah
- Pemberian nama Malaysia kepada negara baru yang dibentuk
- Penentuan tarikh penubuhan Malaysia

BAB 6 – PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

PERJANJIAN MALAYSIA 1963

Apakah Akta Malaysia

- Akta yang memperuntukkan penggabungan negeri-negeri berkenaan
- yang seterusnya dinamai Malaysia

Nyatakan tiga perkara yang diperuntukkan dalam Akta Malaysia

- semua urusan hal ehwal luar adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan
- Agama Islam merupakan agama Persekutuan
- kecuali Sarawak dan Sabah
- tetapi agama lain bebas diamalkan
- Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan
- Tetapi bahasa Inggeris dan bahasa lain masih boleh digunakan
- Bagi negeri Sarawak dan Sabah, bahasa rasmi ialah bahasa Inggeris sehingga 10 tahun selepas Hari Malaysia.
- Negeri Sarawak dan Sabah diberikan kuasa mengawal hal ehwal imigresen dan perkhidmatan awam.
- Sarawak memperoleh 24 kerusi, Sabah 16 kerusi dan Singapura 15 kerusi bagi perwakilan parlimen.
- Rakyat bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu

BAB 7 - SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

PILIHAN RAYA

Pilihan raya merupakan ciri penting sistem demokrasi di Malaysia.

Jelaskan proses pilihan raya diamalkan di Malaysia.

- Pilihan raya dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya
- Pemilihan dilakukan secara sulit dengan menggunakan prosedur yang telus dan teratur
- Pengiraan undi dibuat secara terbuka
- Keputusan pengiraan undi direkodkan
- Calon yang mendapat undi terbanyak dikira menang
- Sistem ini dikenali sebagai sistem majoriti mudah
- Suruhanjaya Pilihan Raya menentukan kawasan / sempadan bahagian-bahagian pilihanraya
- SPR menjalankan pendaftaran pemilih
- SPR menetapkan tarikh penamaan calon dan pengundian
- Penamaan calon dilakukan oleh parti yang ingin bertanding / calon yang ingin bertanding
- Parti yang bertanding menyediakan manifesto
- Parti yang bertanding melancarkan kempen pilihan raya
- SPR mengumumkan tempat pengundian
- SPR mengumumkan tempat pengiraan undi
- Pengundi diberikan kertas undi di tempat pembuangan undi
- Pembuangan undi / pengundi akan memangkah akan memangkah calon pilihannya
- pada kertas undi dan memasukkannya dalam peti undi
- Pegawai SPR melakukan pengiraan undi di tempat pengiraan undi
- Pegawai SPR mengumumkan keputusan pilihan raya
- Pilihan raya umum dilakukan oleh SPR untuk memilih ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri
- Pilihan raya kecil diadakan oleh SPR bagi mengisi kekosongan di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri

Senaraikan syarat-syarat yang perlu ada bagi membolehkan seseorang bertanding sebagai calon dalam pilihan raya.

- Warganegara Malaysia
- Boleh bertanding atas tiket individu atau mewakili parti
- Berumur 21 tahun ke atas
- Bermastautin di Malaysia
- Sempurna akal / tidak gila
- Bukan orang yang muflis
- Tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam
- Tidak disabitkan dengan sesuatu kesalahan oleh mahkamah
- Mesti mengemukakan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon

Senaraikan syarat-syarat yang perlu ada bagi membolehkan seseorang mengundi dalam pilihan raya.

- Mendaftar diri dalam Senarai Daftar Pemilih
- Warganegara Malaysia
- Berusia 21 tahun ke atas
- Bermastautin atau tidak bermastautin di Malaysia
- Tinggal di mana-mana kawasan pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri
- Mengundi dalam satu kawasan pilihan raya
- Anggota pasukan keselamatan / pelajar di luar negara / pegawai kerajaan yang bertugas di luar negara boleh mengundi secara pos

Pada pandangan anda, apakah kepentingan pilihan raya di Malaysia?

- Menepati ciri penting sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen
- Diadakan untuk memilih wakil rakyat
- Ahli Dewan rakyat atau Dewan Undangan Negeri
- Pilihan raya kecil di adakan apabila berlaku kekosongan kerusi di mana- mana kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri
- Kekosongan berlaku mungkin disebabkan kematian, perletakan jawatan atau perlucutan jawatan
- Menentukan bentuk kerajaan dan corak pemerintahan demokrasi melalui pilihan raya
- Tanggungjawab warganegara mengambil tahu perkembangan politik semasa
- Melibatkan rakyat dalam proses memilih pemimpin
- Menjamin kerajaan yang cekap
Mana-mana jawapan munasabah

Bagaimanakah cara untuk memastikan pilihanraya di negara kita berjalan lancar dan terus relevan pada masa akan datang ?

- Kempen-kempen berbaur perkauman diharamkan
- Semua pihak harus menghormati keputusan pilihanraya
- Semua calon memiliki kelulusan akademik sekurang- kurang Ijazah Sarjana Muda
- Parti-parti berasaskan kaum dikurangkan
- Tindakan tegas kepada pihak yang menaburkan fitnah semasa kempen
- Kempen memburukkan peribadi calon lawan tidak dibenarkan
- Debat terbuka di dalam televisyen/media cetak
- Semua calon pilihanraya disaring oleh SPRM dan Polis
Mana-mana jawapan munasabah

PERLEMBAGAAN

Perlembagaan merupakan dokumen rasmi yang menjadi panduan dan rujukan kerajaan dalam pemerintahan sesebuah negara.

Apakah yang dimaksudkan dengan keluhuran perlembagaan?

- keagungan undang-undang
- ketinggian undang-undang
- mengatasi Yang di-Pertuan Agong, Parlimen, Jemaah Menteri dan mahkamah

Jelaskan kepentingan perlembagaan dalam Negara demokrasi berparlimen.

- menjamin kestabilan sesebuah negara
- menjamin kelicinan dan kecekapan pemerintahan
- menjamin taat setia rakyat
- menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat
- menjamin hak istimewa dan kedudukan bumiputera
- menjamin kerjasama antara kerajaan
- menjamin kedudukan istimewa orang Melayu tidak dipersoal

Berikan dua perkara yang tidak boleh dipersoalkan dalam Perlembagaan Malaysia.

- pemerintahan beraja
- kedudukan agama Islam
- kedudukan bahasa Melayu
- hak istimewa orang Melayu

Bagaimanakah perlembagaan boleh dipinda oleh Parlimen ?

- persetujuan 2/3 Parlimen dan Majlis raja-Raja
- persetujuan majoriti lebih 2/3 Parlimen dan kelulusan YDP Negeri Sarawak dan Sabah
- persetujuan lebih suara 2/3 Dewan Parlimen
- persetujuan lebih suara Dewan Parlimen

BAB 8 – PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

WAWASAN 2020

Nyatakan Latar belakang Wawasan 2020

- Merupakan gagasan negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020
- Idea bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad
- Matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang maju
- Menggunakan acuan sendiri
- Menitikberatkan kemajuan fizikal dan kemajuan bersepadu
- Mencapai kemajuan bersepadu berteraskan
- Perpaduan rakyat
- Kestabilan politik
- Ketinggian taraf hidup
- Kekukuhan nilai moral dan etika
- Kekukuhan sistem kerajaan
- Ketinggian maruah bangsa
- Semangat yakin diri bangsa

Terangkan Sembilan cabaran Wawasan 2020 dalam hasrat menjadi negara maju

- Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu(1)
- Perpaduan asas kekuatan negara
- Dicapai Dasar Pembangunan Nasional
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Dasar Bahasa Kebangsaan
- Semua dasar mewujudkan hubungan antara kaum yang sihat
- Rakyat yang beridentitikan Malaysia dapat diwujudkan
- Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan(2)
- Masyarakat Malaysia perlu berjiwa bebas, berperasaan tenteram, sentiasa bersikap terbuka, berkeyakinan, bangga apa yang dicapai
- Gagah menghadapi pelbagai masalah
- Bangsa yang gagah dapat memajukan negara sendiri
- Mengangkat martabat bangsa dan negara di persada dunia
- Musuh negara mudah ditangkis
- Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang(3)
- Bebas memilih kerajaan
- Rakyat berfikiran matang akan menggunakan hak-hak demokrasinya dengan sewajarnya
- Mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika(4)
- Diseimbangkan dengan kemajuan fizikal
- Untuk membentuk masyarakat berbudaya unggul
- Sumber pembinaan masyarakat bermoral dan beretika
- Kepatuhan kepada agama
- Pengamalan budaya dan tradisi yang cemerlang
- Keberkesanan sistem pendidikan
- Keunggulan institusi kekeluargaan
- Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi(5)
- Berfikiran terbuka sedia menerima perubahan
- Pengamalan sistem demokrasi
- Kewujudan parti politik
- Membina masyarakat yang maju dan saintifik(6)

- Masyarakat progresif
- Menyerap perubahan persekitaran untuk membina kecemerlangan
- Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang(7)
- Tidak individualistik
- Meletakkan kepentingan masyarakat lebih daripada kepentingan diri
- Nilai-nilai murni amalan tradisi
- Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya(8)
- Rancangan Pembangunan Luar Bandar
- Rancangan Pembangunan Lima Tahun
- Dasar Ekonomi Baru
- Memupuk dan membina masyarakat makmur(9)
- Taraf hidup tinggi
- Masyarakat yang hidup mewah
- Pendapatan isi rumah dan pendapatan negara tinggi

Senaraikan cirri-ciri masyarakat Malaysia pada tahun 2020.

- Bersatu Padu
- Hubungan antara kaum yang sihat.
- Masyarakat yang bangga dengan apa yang dicapai.
- Gagah menghadapi pelbagai masalah.
- Sanggup memajukan negara.
- Sentiasa menangkis musuh negara.
- Bebas memilih kerajaan
- Berfikiran matang
- Menggunakan hak-hak demokrasinya dengan wajar
- Bermoral dan Beretika
- Mengamalkan budaya dan tradisi yang cemerlang
- Berfikir secara rasional – Tidak bertindak melulu

Pada pendapat anda, apakah kualiti warganegara yang mampu menghadapi cabaran tersebut?

- Bersatu padu dalam kalangan masyarakat berbilang kaum
- Berjiwa bebas dan tenteram dalam menjalani kehidupan seharian
- Bersikap terbuka dalam menerima pendapat
- Berkeyakinan diri
- Bangga dengan pencapaian diri dan negara
- Cekal menghadapi pelbagai masalah
- Mengangkat martabat bangsa dan negara di persada dunia
- Bermoral dan beretika dalam tingkah laku
- Berbudaya unggul
- Kepatuhan kepada agama
- Pengamalan budaya dan tradisi yang cemerlang
- Kukuh institusi kekeluargaan dan mewujudkan keluarga yang bahagia
- Berilmu pengetahuan tinggi dan mengawal pendidikan sepanjang hayat
- Berpendapatan tinggi dan berdaya maju
- Berbudaya penyayang
- Bersifat kreatif dan inovatif
- Bersifat patriotik dan setia kepada raja dan Negara

- Mengaplikasi teknologi dalam kehidupan seharian
Mana-mana jawapan yang munasabah

Mengapakah negara menggubal Wawasan 2020?

- Menyatupadukan rakyat
- Menstabilkan politik
- Meningkatkan taraf hidup rakyat
- Mengukuhkan nilai moral dan etika
- Mengukuhkan sistem kerajaan
- Memartabatkan maruah bangsa
- Memupuk semangat yakin diri bangsa

Apakah tanggungjawab pelajar dalam merealisasikan Wawasan 2020?

- Merealitikan Wawasan 2020
- Menyahut Sembilan cabaran
- Terlibat dalam pengisian wawasan
- Meneruskan kesinambungan perjuangan pemimpin terdahulu
- Mengekalkan kemajuan negara Malaysia
- Meningkatkan ilmu pengetahuan sains dan teknologi
- Menguasai kemahiran IT
- Berinovasi dan kreatif
- Mengawal sifat disiplin
- Bertoleransi
- Berkeyakinan
- Mengamalkan nilai-nilai murni
- Bersifat penyayang
- Mengamalkan dan menghargai warisan bangsa

Berikan cadangan agar halangan yang wujud dalam mencapai Wawasan dapat diatasi.

- Melalui dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Pembangunan Nasional/ Dasar Bahasa Kebangsaan/ Dasar Kebudayaan Kebangsaan/ Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Melalui kursus motivasi seperti kendalian Biro Tata Negara
- Melalui laungan keyakinan Malaysia Boleh
- Memberikan peluang berinteraksi dalam kalangan masyarakat terbuka seperti program pertukaran pelajar antarabangsa
- Melalui pendidikan dan peranan media massa dan ketelusan Suruhanjaya Pilihanraya
- Menerusi kempen kesedaran dan pendidikan
- Penggunaan undang-undang untuk menyekat hal ini daripada berterusan berlaku. Contohnya Akta Polis / Akta Perhimpunan Haram
- Kembali kepada ajaran agama/ pengamalan tradisi dan budaya yang cemerlang
- Menggalakkan kegiatan menghormati perlembagaan negara/ pewujudan Rukunegara/ pengamalan sistem demokrasi
- Melalui pendidikan wajib/ pendidikan sepanjang hayat/ yuran percuma di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah
- Menggalakkan kreativiti dan inovasi/ menubuhkan MOSTI/ soalan berdasarkan prinsip KBAT

- Mengukuhkan semula institusi kekeluargaan/ menggalakkan budaya nilai murni dalam kehidupan
 - Melalui dasar Ekonomi Baharu/ Dasar Pembangunan Nasional/ Rancangan Pembangunan Luar Bandar/ Rancangan Pembangunan Lima Tahun
 - Membangunkan masyarakat melalui PRIMA/ KR1M
 - Melalui Dasar Ekonomi Baru
 - Mewujudkan negara berpendapatan tinggi melalui dasar- dasar negara yang komprehensif misalnya melalui pembangunan-pembangunan koridor ekonomi seperti Wilayah Pembangunan Iskandar/ ECER dsbnya
 - Melalui kempen kesedaran dan tindakan undang-undang terhadap pesalah
 - Melalui kesedaran sivik/ pembelajaran sivik dan moral di sekolah
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya masyarakat bumiputera dan peribumi enggan terlibat sama menjayakan Wawasan 2020.

- Wawasan 2020 tidak tercapai
 - Penduduk peribumi ketinggalan dari segi ekonomi
 - Pendapatan penduduk peribumi rendah
 - Penduduk peribumi tidak terlibat dalam arus ekonomi perdana
 - Kawasan bandar dimonopoli penduduk bukan peribumi
 - Pengalangan ekonomi berteraskan kaum berlaku semula
 - Perasaan tidak puas hati kerana pembahagian ekonomi yang tidak adil ketara
 - Boleh menyebabkan berlaku rusuhan kaum
 - Hasrat menjadi negara berpendapatan tinggi tidak tercapai
 - Penduduk peribumi kekal mendiami kawasan luar bandar
 - Kawasan luar bandar kurang dibangunkan
 - Imej negara jatuh
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

Cadangan anda untuk merealisasikan Malaysia sebagai Negara maju menjelang tahun 2020.

- Satu negeri satu industri
 - Industri berkala teknologi tinggi seperti automotif, elektronik dan penerbangan
 - Rakyat berpendapatan tinggi
 - Taraf hidup rakyat tinggi dan sejahtera
 - Negara aman dan makmur
 - Rakyat hidup bersatu dan berharmoni
 - Taraf pendidikan negara diiktiraf dunia
 - Kemudahan dan prasarana berteknologi tinggi
 - Masyarakat berpengetahuan tinggi dan berminda kelas pertama
 - Negara yang bersih dan kekayaan megadiversiti dikekalkan
 - Masyarakatnya dikenali berbudaya tinggi dan sopan
- Mana-mana jawapan yang munasabah*

SUKAN UNTUK PERPADUAN

Bagaimanakah sukan dapat membentuk perpaduan?

- Sebagai alat perpaduan tanpa mengira ideologi
- Menyemarakkan semangat patriotik
- Tidak mengehendkan penyertaan kpd sesuatu kaum
- Membuka peluang seluas-luasnya kpd mereka yg berminat
- Di sekolah, sukan merupakan aktiviti kokurikulum yg sangat digalakkan
- Majlis Sukan Sekolah-Sekolah ditubuhkan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan utk menggalakkan aktiviti sukan
- Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan dua tahun sekali utk eratkan perpaduan antara kaum dan hubungan antara negeri

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Nyatakan sejarah penubuhan Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- Lahir daripada gagasan Kongres kebudayaan Kebangsaan yan dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada tahun 1971

Senaraikan tujuan Dasar Kebudayaan digubal

- Menjadi panduan dalam membentuk dan mengekalkan identiti negara Malaysia
- Bertujuan memperkukuh perpaduan melalui kebudayaan
- Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan
- Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan dari aspek kemanusiaan
- Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan dari aspek kerohanian
- Mempertingkatkan kualiti kehidupan seimbang dengan pembangunan sosio ekonomi

Jelaskan prinsip-prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang
- unsur-unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai boleh diterima
- Islam sebagai unsur yang terpenting

BAB 9 – MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

BLOK DUNIA

Apakah yang anda faham mengenai Blok Dunia

- Penyelesaian Perang Dunia Kedua dicapai dalam beberapa siri persidangan
- Kebuntuan rundingan menyebabkan kemunculan Blok dunia dan Perang dingin
- Terdiri daripada Blok Kapitalis diketuai AS
- Blok Komunis diketuai Soviet Union
- Blok Dunia adalah usaha negara-negara sehaluan untuk bersatu
- Bertindak secara bersama bagi menjaga kepentingan ahli
- Blok wujud dalam pelbagai bentuk seperti politik, ekonomi atau geografi
- Blok Dunia semasa Perang Dingin berasaskan geo-politik yang melibatkan faktor geografi dan politik

Senaraikan ciri-ciri blok kapitalis dan blok komunis

Blok Kapitalis

- Negara kapitalis menjalankan pemerintahan secara demokratik.
- Boleh menubuhkan parti politik.
- Kerajaan dipilih melalui pilihan raya.
- Membuka peluang perniagaan kepada orang persendirian.
- Memberi kebebasan individu sepenuhnya.
- *Mana-mana jawapan munasabah*

Blok Komunis

- Menjalankan pemerintahan secara diktator.
- Hanya Parti Komunis sahaja yang memerintah negara.
- Hanya kerajaan yang memiliki perniagaan.
- Mengawal kebebasan individu.
- *Mana-mana jawapan munasabah*

Berdasarkan pengetahuan anda, apakah implikasi yang berlaku akibat kemunculan Blok Dunia ?

- Negara Dunia Ketiga menjadi rebutan Amerika Syarikat dan Soviet Union
- Pembentukan blok kapitalis dan blok komunis.
- Penubuhan pakatan NATO, WARSAW dan SEATO.
- Berlakunya perlumbaan senjata.
- Memberi peluang kepada negara baru membina identiti sendiri.
- Memberi peluang kepada negara baru menangani cabaran melalui hubungan antarabangsa dan serantau
- *Mana-mana jawapan munasabah*

PERANG DINGIN

Bagaimanakah Perang Dingin bermula

- Berlaku sejak tamat Perang Dunia Kedua sehingga tahun 1989
- Perang Dingin disebabkan ideologi dan fahaman politik yang berbeza
- Melibatkan persaingan kuasa antara blok kapitalis yang diketuai oleh Amerika Syarikat
- Blok Komunis diketuai oleh Soviet Union
- Blok Komunis terdiri daripada Negara Soviet Union dan tujuh buah negara lain menandatangani Perjanjian Warsaw
- Blok Kapitalis terdiri daripada AS dan 11 buah Negara lain
- Menandatangani Perjanjian Atlantik Utara(NATO) 4 April 1949

Bagaimanakah Perang Dingin berlangsung

- Tiada sebarang konflik bersenjata secara langsung
- Kedua-dua blok membuktikan kekuatan
- Dgn menyebarkan pengaruh
- Memajukan kepentingan masing-masing di Eropah
- Di Asia melalui propaganda, bantuan ekonomi dan ketenteraan
- Berlaku perlumbaan senjata
- Soviet Union memiliki bom atom 1949
- Amerika Syarikat berjaya menguji bom hidrogen 1952
- Soviet Union menguji bom hidrogen 1955
- Negara-negara Dunia Ketiga
- Tidak bersekongkol dgn Blok Komunis(Negara Dunia Kedua) mahupun Blok Kapitalis (Negara Dunia Pertama)
- Mengamalkan sikap berkecuali
- Semasa Perang Dingin, Blok Komunis dan Blok Kapitalis berusaha mempengaruhi pegangan negara ini
- Dengan menawarkan bantuan pertahanan dan ekonomi
- Menjadi rebutan antara tiga kuasa besar iaitu AS, Soviet Union dan China

Jelaskan perbezaan antara ideologi blok kapitalis dengan ideologi blok komunis.

- Negara kapitalis menjalankan pemerintahan secara demokratik manakala negara komunis menjalankan pemerintahan secara diktator.
- Di negara kapitalis, kerajaan dipilih melalui pilihan raya tetapi di negara komunis, hanya Parti Komunis sahaja yang memerintah negara.
- Blok kapitalis membuka peluang perniagaan kepada orang persendirian tetapi di Negara komunis, hanya kerajaan yang memiliki perniagaan.
- Negara kapitalis memberi kebebasan individu sepenuhnya tetapi negara komunis mengawal kebebasan individu

Jelaskan kesan-kesan Perang Dingin

- Pembentukan Blok Dunia iaitu blok Komunis dan Blok Kapitalis
- Penubuhan NATO oleh kuasa Kapitalis
- Pakatan Warsaw oleh kuasa Komunis
- Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara(SEATO)
- Berlaku perlumbaan senjata
- Pembentukan Negara-Negara Berkecuali

Jelaskan iktibar di sebalik persaingan kuasa dunia tersebut

- Berusaha membina identiti negara sendiri
- Menangani cabaran melalui hubungan antarabangsa
- Menangani cabaran melalui hubungan serantau
- Tidak bersekongkol dengan dengan mana-mana kuasa dunia
- Mengamalkan dasar berkecuali
- Mengamalkan dasar tidak campur tangan di negara lain
- Memajukan sumber ekonomi dengan keupayaan sendiri
- Memperkuatkan sistem pertahanan negara supaya tidak di ceroboh
- Mengutamakan perpaduan rakyat
- Memajukan sistem pendidikan negara
- Membuat hubungan diplomatik
- Menyelesaikan masalah secara muafakat/ perbincangan/ diplomasi
- Tiada perlumbaan senjata
- Menghormati negara lain

Mana-mana jawapan yang munasabah

Sejarah telah membuktikan betapa pentingnya sesebuah negara menjaga keselamatan daripada diceroboh. Jelaskan usaha kerajaan Malaysia dalam menghadapi sebarang bentuk pencerobohan.

- Menyediakan peruntukan/ bajet bagi memperkukuh sistem pertahanan negara
- Menggalakkan program bersifat patriotik
- Memperbesar pasukan keselamatan
- Memupuk semangat perpaduan kaum
- Melahirkan rakyat berilmu pengetahuan
- Menjaga kestabilan politik
- Menjaga hubungan baik dengan semua negara
- Memantapkan hubungan serantau dan antarabangsa
- Mewujudkan perkongsian pintar dengan negara luar
- Memantapkan segala dasar dan pembangunan negara
- Mengukuhkan peranan ESCOM
- Kerjasama erat antara PDRM/ TUDM/ TLDM/ ATM
- Melaksanakan perintah berkurung seperti di Lahad Datu, Sabah
- Menguasai sains dan teknologi

Mana-mana jawapan yang munasabah

ASEAN

Terangkan latar belakang penubuhan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau ASEAN

- ASEAN dibentuk pada 8 Ogos 1967
- Termeterainya Deklarasi Bangkok
- Dianggotai Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina
- Papua New Guinea dilantik sebagai pemerhati
- Matlamat ASEAN
- Mengekalkan kestabilan politik rantau Asia Tenggara
- Meningkatkan taraf hidup penduduk
- Kerjasama dalam pertanian, perdagangan dan perindustrian

- Membantu bidang ekonomi
- Kerjasama dalam latihan dan penyelidikan
- Mengadakan hubungan erat dengan pertubuhan serantau dan antarabangsa
- Sepuluh tangkai padi impian
- Sepuluh buah Negara di Asia Tenggara
- Yang diikat oleh semangat persahabatan dan perpaduan
- Bulatan semangat bersepadu dlm ASEAN
- Moto ASEAN keamanan, kestabilan, kegigihan, kedinamikan, kesucian dan kemakmuran

Terangkan peranan Malaysia dalam ASEAN

- Konsep ZOPFAN
- Tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur (November 1971)
- Menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur
- Mengisytiharkan ASEAN sbg zon aman, bebas dan berkecuali(ZOPFAN)
- Tujuan pengisytiharan ZOPFAN
- Mewujudkan keamanan dan kestabilan politik rantau Asia Tenggara
- Tidak bersekongkol dgn blok Barat atau blok Timur
- Mengelakkan campur tangan kuasa besar
- Zon Bebas Senjata Nuklear
- Kerjasama ekonomi
- Agak perlahan
- Kerjasama projek perindustrian
- Kerjasama pendidikan
- Kerjasama kebudayaan
- Menubuhkan tabung Kebudayaan ASEAN
- Pertukaran rancangan televisyen dan radio
- Tahun Melawat ASEAN
- Sukan SEA

Bincangkan Zon Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN(AFTA) telah diumumkan dalam Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura 1992

- Menghapuskan sekatan dagangan dalam kalangan negara ASEAN
- Menggalakkan kerjasama ekonomi dalam kalangan Negara ASEAN
- Mewujudkan satu jumlah pasaran yang luas kerana penduduk ASEAN begitu ramai
- Peningkatan barangan keluaran Negara-negara ASEAN akan mengembangkan industri terbabit
- Meningkatkan kerjasama ekonomi Negara-negara ASEAN

CABARAN MASA DEPAN

Jelaskan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi atau Information Communication Technology (ICT)

- Pemangkin hubungan sesama manusia dan Negara
- Peralatan teknologi maklumat seperti computer dan internet
- Perkembangan teknologi telekomunikasi seperti telefon mudah alih
- Kos pengangkutan murah

- ICT membolehkan komunikasi berlaku dengan pantas, mudah dan berkesan tanpa mengira sempadan
- Malaysia menyediakan prasarana ICT
- Melancarkan projek Koridor Raya Multimedia atau *Multimedia Super Corridor*(MSC)
- Memulakan e-pendidikan, pemasaran tanpa sempadan e-dagang dan penyiaran digital

Apakah yang anda faham tentang Koridor Raya Multimedia (MSC)

- Dilancarkan pada 27 Jun 1998
- Kawasan yang mencakupi Kuala Lumpur City Centre(KLCC) sehingga Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur(KLIA)
- Tujuannya memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat
- Melahirkan masyarakat bermaklumat
- Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan belanjawan RM 2.5 billion.
- RM1 billion diperuntukan luar Bandar bagi merapatkan jurang dengan Bandar
- Penggunaan ICT untuk pelaksanaan k-ekonomi

Jelaskan konsep k-ekonomi

- Ekonomi berlandaskan pengetahuan atau *Knowledge-based economy*
- Merujuk keupayaan seseorang menggunakan ilmu pengetahuan
- Mencipta satu nilai baru yang membawa kemajuan
- Sebelum ini dunia mengukur kemajuan atau kekayaan Negara berdasarkan jumlah simpanan emas
- Pemilikan tanah jajahan yang luas
- Sumber semula jadi dan
- Pengukuran kekayaan beralih kepada pengeluaran barangan pertanian atau barangan industri

Terangkan kepentingan k-ekonomi pada era globalisasi

- Mampu bersaing
- Bagi meningkatkan mutu pengeluaran dan perkhidmatan
- Teknologi dan industri
- Berasaskan pengetahuan menjana keuntungan
- Kemajuan perniagaan
- Peluang pekerjaan
- Serta perkongsian pintar
- Sumber berharga modal intelek dan pekerja berpengetahuan
- Dihasilkan melalui kekayaan pengetahuan
- Semangat serta daya saing yang tinggi
- Diperlukan untuk membangunkan industri berasaskan pengetahuan
- Inovasi kunci kejayaan k-ekonomi
- Dicapai melalui penyelidikan dan pembangunan atau Research and Development(R&D)
- Malaysia menyediakan peruntukan besar kepada R&D
- Bagi menggalakkan penciptaan baru dan pendaftaran paten
- Bagi meningkatkan tahap kemajuan bangsa dan Negara
- Mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi

Jelaskan konsep K-society

- *K-society* merujuk masyarakat yang sentiasa berusaha memperkaya diri.
- Dengan pengetahuan agar dapat bersaing
- Selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat
- Membangun prasarana untuk pertumbuhan *K-society* dengan
- Menyusun semula sistem pendidikan Malaysia
- Sekolah Wawasan bagi memupuk perpaduan melalui interaksi murid pelbagai kaum dan meningkatkan daya saing
- Sekolah Bestari dengan prasarana teknologi maklumat(IT) bagi memupuk rasa cinta terhadap IT.
- Mengubah suai kurikulum bagi melahirkan pelajar yang kreatif, dinamis serta berfikir kritis dan analitis
- Melahirkan tenaga kerja berpendidikan tinggi bagi menyahut cabaran globalisasi
- Matlamat *K-society* dan *K-ekonomi* selari dengan Wawasan 2020 untuk mewujudkan masyarakat yang maju dan saintifik

Bagaimanakah anda boleh berperanan untuk menjayakan globalisasi

- Meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang sains
- Menjauhkan diri daripada gejala negatif
- Menguasai kemahiran IT
- Melibatkan diri dalam program-program Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Program Latihan Khidmat Negara
- Menyertai program-program anjuran kerajaan
- Sanggup menerima perubahan
- Berinovasi dan kreatif
- Berdaya saing tinggi
- Penyelidikan dan pembangunan
- Mencontohi budaya kerja masyarakat timur
- Bekerjasama menjayakan *K-ekonomi*
- Menjadi masyarakat Berjaya
- Mencapai Wawasan 2020

Terangkan cabaran globalisasi yang dihadapi oleh Malaysia pada masa kini.

- Malaysia terpaksa menerima hakikat bahawa dunia tanpa sempadan.
- Segala aspek ekonomi dan sosial menyeberangi sempadan dalam masa yang begitu singkat.
- Proses komunikasi manusia antara sebuah negara dengan sebuah negara lain berlaku dengan pantas.
- Keadaan ini berlaku kerana kemajuan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.
- Malaysia terpaksa mengakui kepentingan ICT.
- Kita terpaksa akur dengan nilai baru bahawa pengukuran kekayaan sesebuah negara adalah berdasarkan teknologi dan industri yang berasaskan ilmu pengetahuan.
- Kita perlu sedar bahawa modal intelek dan pekerja berpendidikan menjadi sumber paling berharga bagi sesebuah negara.
- Kita perlu bersedia mewujudkan *K-masyarakat*.

Jelaskan persediaan yang dilaksanakan oleh Malaysia dalam menyahut arus globalisasi.

- Malaysia menyediakan prasarana ICT.
Langkah ini bertujuan merebut peluang dan faedah yang dihasilkan oleh ICT.
- Malaysia mempromosikan penggunaan ICT
*Melancarkan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).
Koridor Raya Multimedia telah memulakan e-pendidikan, pemasaran tanpa sempadan, e-dagang dan penyiaran digital*
- Kerajaan memperuntukkan RM 5.2 bilion untuk melaksanakan projek berasaskan ICT
RM 1 bilion daripada peruntukan itu diagihkan untuk program luar bandar.
- Kerajaan menyediakan peruntukan kepada penyelidikan dan pembangunan penciptaan baru dan pendaftaran paten.
Kerajaan menggalakkan rakyat menggunakan penemuan baru.
- Kerajaan menubuhkan sekolah wawasan .
Untuk meningkatkan daya saing.
- Kerajaan menubuhkan Sekolah Bestari .
Dilengkapkan dengan frasarana teknologi maklumat.
- Kurikulum diubahsuai dan dibentuk semula.
Untuk melahirkan pelajar yang kreatif, kritis dan analitis